

Buletin Unisza

ISSN 2180-0235 | DISEMBER 2022 | BIL.38



KDYMM Tuanku Canselor
Berkenan Mencemar Duli Merasmikan
Debat Diraja
2022

PENGURUSAN TERTINGGI

Prof. Dr. Fadzli Adam
Naib Canselor

Dato' Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hafiz Yusoff
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd Ghadas
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Ts. Dr. Shukor Abd Razak
Timbalan Naib Canselor UniSZA

En. Ismail Musa
Pendaftar

Pn. Shakimah Endut
Bendahari

En. Mohd Fuad Husaini
Penasihat Undang-Undang

Prof. Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman
Pengarah Kampus Besut

En. Muzafer Mohd Din
Pengarah Pusat Komunikasi Korporat dan
Pengurusan Perhubungan

SENARAI PENYUMBANG

1. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
2. Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
3. Pejabat Kampus Besut
4. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI)
5. Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK)
6. Fakulti Infomatik dan Komputeran (FIK)
7. Fakulti Biosumber dan Makanan (FBIM)
8. Fakulti Farmasi (FF)
9. Perpustakaan Al-Wathiqu Billah, Kampus Kota
10. Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik (COMAE-i)
11. Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian (PPIR)
12. Penerbit UniSZA
13. Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar (PAKAT)
14. Pusat Pembangunan Holistik Pelajar (PPHP)
15. Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA (PUSPA)
16. Pusat Islam UniSZA
17. Pusat Sukan dan Rekreasi
18. Hospital Pengajar UniSZA
19. Dr. Azlini Chik, Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG)

SIDANG EDITOR

Prof. Madya Dr. Wan Hishamudin Wan Jusoh
Penerbit UniSZA

Pn. Zurina Mansor
Penerbit UniSZA

Dr. Mohd Nasir Mat Nor
Fakulti Perubatan

Dr. Siti Hajar Abdul Rauf
Fakulti Sains Sosial Gunaan

Dr. Mohd Faradi Mohamed Ghazali
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

En. Cornelius Anuar Abdullah McAfee
Pusat Antarabangsa

Cik Nazilah Mohamad
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

En. Mohammad Hafizi Rozali
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

En. Kaswadi Yusoff
Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian

En. Wan Mohd Fadzli W. Samsudin
Penerbit UniSZA

Pn. Rozilawati Mahmud
Penerbit UniSZA

Hak Cipta Terpelihara © 2022. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UniSZA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hak Cipta © 2022
Pengarah, Penerbit UniSZA
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Nerus
Terengganu, MALAYSIA.
Tel: 09-668 8772, Faks: 09-668 7867
Laman Web: <http://www.penerbit.unisza.edu.my>

AL-MUKTAFI BILLAH SHAH



Perlindungan Akhir

Debut Diraja antara IPT



KANDUNGAN

Utama	4
Malim Sarjana	5
Bengkel/Seminar/Kursus/Mesyuarat	11
Tokoh	17
Rencana	21
Pencapaian	23
UniSZA Bersama Komuniti Setempat	25
UniSZA dan Hubungan Antarabangsa	31
Sukan dan Ko-Kurikulum	35
Terbitan UniSZA	41

PERTANDINGAN DEBAT DIRAJA ANTARA IPT

Pertandingan Debat Diraja antara Institut Pengajian Tinggi (IPT) mula diperkenalkan pada tahun 1995 dengan format debat ala parlimen untuk membudayakan amalan berfikir secara kritis dan analitikal dalam kalangan mahasiswa tempatan. Program ini juga merupakan salah satu program *signature* Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan sangat penting dalam usaha melahirkan para mahasiswa yang cemerlang bukan sahaja dari segi akademik malah sahsiah. Sebanyak 53 pasukan dari 24 buah IPT di seluruh negara menyertai pertandingan debat tersebut yang diadakan secara dalam talian bagi pusingan awal pada 17 hingga 18 September sebelum secara bersemuka bagi pusingan separuh akhir dan akhir.

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Malaya (UM) masing-masing dinobatkan sebagai Johan Kategori Utama Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris pada 23 Oktober dengan membawa pulang wang tunai berjumlah RM5,000 berserta piala irungan dan sijil penghargaan. Pasukan UIAM yang memenangi kategori Utama Bahasa Melayu diberisi oleh Nur Syahirah Balqis Shahruhnizam, Muhamad Ilham Hafiz Azmi, Muhamad Luqman Ismail Zawawi dan Muhamad ‘Aqil Mujahid Mukhtar. Pemenang Kategori Utama Bahasa Inggeris dari UM diberisi oleh R. Kuhan Karttikeyn, A. Danesh Ram, Muhyuddin Ahsan Sultan Askin dan Catherine Alicia Nathan.

Naib johan pula diraih oleh Universiti Kebangsaan Malaysia bagi Kategori Utama Bahasa Melayu manakala Universiti Teknologi Mara pula bagi Kategori Utama Bahasa Inggeris. Kedua-dua IPT masing-masing membawa pulang wang tunai berjumlah RM3,000 berserta piala irungan dan sijil penghargaan.

Pertandingan Debat Diraja Antara IPT kali ini berlangsung di Universiti Sultan Zainal Abidin, Sultanah Terengganu, Sultanah Nur Zahirah berkenan menyampaikan hadiah kepada semua pemenang.



Kesusasteraan Melayu di Abad ke-21: Mendepani Cabaran Globalisasi dan Revolusi Industri Masa Kini

Ulasan oleh:

Mohd Shahrizal Nasir, M.A.

Emel: mohdshahrizal@unisza.edu.my

Ketokohan YBhg. Prof. Dato' Seri Dr. Md. Salleh Yaapar (seterusnya Prof. Md. Salleh Yaapar) menyerlah dalam usahanya memartabatkan bahasa dan kesusasteraan Melayu. Beliau pernah dinobatkan sebagai Tokoh Akademik Bahasa Melayu tahun 2012, selain beberapa anugerah lain termasuk penerima Anugerah Tokoh Pendidikan (2017); Anugerah Perdana Penyelidik Sastera dan Budaya Melayu Prolifik (2017); dan Hadiah Sastera Perdana Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka (2004). Prof. Md. Salleh Yaapar dikenali sebagai antara tokoh tanah air yang sehingga kini terus terlibat dalam pelbagai diskusi ilmiah bagi tujuan memartabatkan kedudukan bahasa Melayu khususnya melibatkan bidang kesusasteraan. Oleh itu, kesudian Prof. Md. Salleh Yaapar menerima jemputan dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), UniSZA sebagai salah seorang pengucap utama International Conference on Malay, Arabic and English Literature (ICMAEL 2022) menjadikan fokus perbincangan lebih terarah kepada usaha membugar Kesusasteraan Melayu pada era kepesatan teknologi digital masa kini.

Wahai muda kenali dirimu,
Ialah perahu tamthil tubuhmu,
Tiadalah berapa lama hidupmu,
Ke Akhirat jua kekal diammu.
(Hamzah Fansuri)

Prof. Md. Salleh Yaapar memulakan ucaptamanya dengan membaca bait puisi Sufi karangan tokoh tersohor Hamzah Fansuri untuk para penggiat dan pengkaji Kesusasteraan Melayu. Bait yang cukup indah tersebut mengingatkan semua yang terlibat dalam dunia kesusasteraan agar tidak memisahkan kegiatan sastera daripada kehidupan. Setiap perkara yang diusahakan dalam ruang lingkup kesusasteraan perlu dijadikan ‘bekalan’ untuk kehidupan yang kekal abadi di akhirat nanti. Dengan menginsafi tujuan kehidupan yang perlu diarahkan kepada usaha melakukan kebaikan, para penggiat dan pengkaji sastera khususnya Kesusasteraan Melayu perlu menyedari tentang cabaran yang perlu dihadapi bagi memastikan sastera ini dapat kekal relevan menyebarkan kebaikan kepada masyarakat.

Oleh itu, Prof. Md. Salleh Yaapar menegaskan dalam mukadimahnya bahawa pembentangannya bertujuan mengajak para penulis dan khalayak Kesusasteraan Melayu serantau untuk mempersiapkan diri bagi mendepani dan menangani proses globalisasi serta revolusi dunia masa kini. Bagi tujuan tersebut, Prof. Md. Salleh Yaapar telah menyorot secara ringkas latar belakang Kesusasteraan Melayu yang sarat dengan kejayaan dan kehebatan tersendiri. Kejayaan yang dilakar oleh Kesusasteraan Melayu tidak boleh dipisahkan dengan aspek bahasa yang mendukungnya. Tidak mungkin Kesusasteraan Melayu boleh muncul dengan kedudukan yang cukup hebat tanpa peranan bahasa Melayu. Pendek kata, sastera tidak boleh dipisahkan dengan bahasa yang berperanan secara lengkap-melengkapi antara satu dengan yang lain.

Kepulauan Melayu sememangnya telah terkenal sebagai satu wilayah besar yang memiliki sejarah panjang dan terkenal dengan kesusasteraan yang teguh dan kukuh. Menurut Prof. Md. Salleh Yaapar, Kesusasteraan Melayu yang terdiri daripada sastera lisan dan sastera tertulis memiliki korpusnya yang tersendiri mencakupi pelbagai genre dan bentuk termasuk sastera kitab, sastera undang-undang, hikayat, cerita berbingkai, mitos, legenda, cerita penglipur lara, cerita jenaka, pantun, seloka, syair dan nazam. Kepelbagaiannya genre dan bentuk karya sastera tersebut membuktikan keutuhan Kesusasteraan Melayu sebagai satu elemen penting dalam kehidupan masyarakat Melayu sejak zaman dahulu. Tanpa mengetahui hal ini, tidak mungkin usaha mempertahankan Kesusasteraan Melayu dapat dilakukan dengan jitu lebih-lebih lagi dalam era globalisasi dan revolusi yang sarat dengan cabaran tersendiri.

Bukan sahaja kaya dengan kepelbagaiannya genre dan bentuk, Kesusasteraan Melayu turut memiliki karya-karya agung yang terbukti sarat dengan ilmu pengetahuan seperti Hikayat Raja Pasai, Hikayat Aceh, Syair Ken Tambuhan dan banyak lagi. Kesemua karya agung tersebut merakam kegemilangan budaya masyarakat Melayu yang dipahat rapi dalam karya kesusasteraan. Dengan kemunculan karya-karya agung tersebut, maka seperti mana yang dinyatakan oleh Prof. Md. Salleh Yaapar maka muncul pula tokoh-tokoh besar dalam dunia Kesusasteraan Melayu semisal Hamzah Fansuri, Bukhari al-Jauhari, Syeikh Daud Fatani serta ramai lagi yang nama mereka sudah tidak dikenali dalam kalangan masyarakat hari ini. Kelompok yang ramai jumlahnya ini

tidak dikenali kerana karya mereka yang lebih tertumpu kepada cerita-cerita rakyat.

Prof. Md. Salleh Yaapar mengetengahkan pandangannya bahawa gabungan khazanah meliputi kepelbagaiannya dan bentuk karya sastera, kemunculan karya-karya agung, serta kewujudan kelompok tokoh besar telah melaksanakan fungsi penting berkaitan sastera dalam usaha mendidik, menghibur dan memperkayakan pengalaman serta ilmu pengetahuan semua lapisan masyarakat di Kepulauan Melayu. Prof. Md. Salleh Yaapar turut menjelaskan bahawa keutuhan Kesusasteraan Melayu dengan korpusnya yang luas disebabkan oleh tiga faktor utama. Pertama, Kesusasteraan Melayu dipupuk oleh kerajaan kesultanan Melayu-Islam yang besar seperti Samudera Pasai, Melaka, Aceh, Brunei, Makassar, Sulu, Mindanao dan Pattani. Kedua, Kesusasteraan Melayu dihidupkan dalam ruang geografis yang luas termasuk negeri-negeri seperti Tanah Amanillah di Luzon yang diasaskan oleh Kesultanan Brunei pada tahun 1515, dan Makasar di Sulawesi. Faktor ketiga pula ialah Kesusasteraan Melayu didukung kuat oleh bahasa Melayu yang teguh dan dipandang tinggi oleh anak watan dan diterima sebagai *lingua franca* oleh warga asing yang datang berdagang di Kepulauan Melayu.

Dengan faktor-faktor yang membawa kepada kegemilangan Kesusasteraan Melayu, maka masyarakat Melayu pada ketika ini perlu menyedari bahawa usaha pelbagai pihak yang menggembungkan tenaga menjadi resipi kejayaan memartabatkan Kesusasteraan Melayu. Malah menurut Prof. Md. Salleh Yaapar, sebahagian karya sastera Melayu telah berjaya membuat pantulan global (*global trajectory*) sehingga mencapai kedudukan istimewa dan memperlihatkan pengaruh luar biasa pada peringkat antarabangsa. Antaranya ialah karya lisan tentang pahlawan Sindukung yang menjadi legenda di Sabah kerana kehebatannya melawan penjajah Inggeris pada pertengahan abad ke-19. Kehebatan pahlawan Sindukung telah mendapat perhatian seorang pengarang tersohor Eropah bernama Emilio Salgari (1862-1911) yang menghasilkan sebuah novel berjudul “La Tigre della Malesia” (Harimau Kepulauan Melayu). Karya yang asalnya diterbitkan secara bersiri dalam akhbar harian kota Verona “Le Nuova Arena” pada tahun 1883 dan 1884 kemudiannya diterbitkan dalam bentuk novel mandiri memaparkan kehebatan pahlawan Sindukung dengan nama Sandokan.

Pendedahan Prof. Md. Salleh Yaapar tentang pantulan global karya Kesusasteraan Melayu sejak abad ke-19 lagi sepatutnya membuka mata generasi kini bahawa kesusasteraan ini sememangnya telah berada pada kedudukan yang tinggi. Walau bagaimanapun, realiti semasa hari ini dengan kepesatan dunia globalisasi, wujud naratif yang dilihat merendahkan kedudukan Kesusasteraan Melayu. Penjelasan mengenainya dinyatakan oleh Prof. Md. Salleh Yaapar dalam ucaptamanya yang menyebut bahawa pada masa kini ramai orang yang tidak berasa kagum, bangga dan sayang terhadap Kesusasteraan Melayu. Malah ada dalam kalangan masyarakat pembaca yang memahami bahawa genre Kesusasteraan Melayu telah lenyap kerana dianggap tidak lagi sesuai dengan perkembangan zaman. Natijahnya, khazanah Kesusasteraan Melayu mula ditinggalkan dan ia diganti dengan penerimaan terbuka masyarakat pembaca terhadap genre-genre asing yang dibawa masuk ke Kepulauan Melayu dari Eropah khususnya oleh penjajah Inggeris dan Belanda. Antara genre tersebut ialah novel, novella, cerpen, drama, sajak bebas dan sonata. Menurut Prof. Md. Salleh Yaapar lagi, semua genre tersebut diterima dengan senang hati oleh anak watan bekas tanah jajahan. Keadaan anak watan yang tidak menghargai kegemilangan Kesusasteraan Melayu sebaliknya menerima genre asing sebagai bahan karya yang ditekuni adalah berpunca daripada ‘globalisasi yang tidak dikawal’, istilah yang dipilih oleh Prof. Md. Salleh Yaapar bagi menggambarkan tragedi yang melanda Kesusasteraan Melayu hari ini.

Seterusnya Prof. Md. Salleh Yaapar menjelaskan bahawa keadaan yang melanda Kesusasteraan Melayu kesan daripada globalisasi tidak boleh dipisahkan daripada peletakan kedudukan bahasa Melayu. Sepertimana sastera berkembang disebabkan bahasa, maka sastera juga boleh jatuh merudum disebabkan kejatuhan kedudukan bahasa. Bahasa yang menjadi wahana kesusasteraan di Kepulauan Melayu sejak zaman-berzaman telah dilemah, dipecah belah dan dijatuhkan martabatnya oleh kuasa-kuasa kolonial. Keadaan ini lebih menyediakan apabila sehingga kini bahasa Melayu tidak benar-benar mengalami proses penyegaran. Ungkapan yang digunakan oleh Prof. Md. Salleh Yaapar bagi menggambarkan keadaan bahasa Melayu di negara Malaysia ialah ‘ia tidak benar-benar dinobatkan’.

Isu yang diketengahkan oleh Prof. Md. Salleh Yaapar berkaitan bahasa Melayu di Malaysia berpunca daripada kedudukannya sebagai Bahasa Kebangsaan yang tidak benar-benar dinobatkan. Tambahan pula sejak awal abad ke-21, kedudukan bahasa Melayu semakin menurun dan terus terancam. Menurut Prof. Md. Salleh Yaapar, punca hal ini berlaku tidak lain disebabkan arus globalisasi dan hegemoni bahasa Inggeris yang deras melanda segenap aspek, di samping kerapuhan jati diri para pemimpin Melayu sendiri. Keadaan menjadi lebih parah apabila mulai tahun 2003, bahasa Melayu telah dijatuhkan kedudukannya oleh pemerintah negara Malaysia. Ini rentetan daripada ketetapan pengajaran Sains dan Matematik di sekolah rendah dan sekolah menengah yang tidak lagi menggunakan bahasa Melayu sebagai medium penyampaian ilmu tersebut, sebaliknya diganti dengan bahasa Inggeris. Bagi Prof. Md. Salleh Yaapar, inilah langkah besar-besaran peminggiran bahasa Melayu yang dikenali dalam sejarah sebagai dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains

dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). Dasar tersebut dengan sifat hegemoni anglosentrik secara terang bertentangan dengan Fasal 152 Perlembagaan Persekutuan. Ia juga dengan jelas menimbulkan fenomena ‘aparteid bahasa’ dengan bahasa Melayu sebagai bahasa pribumi dikhianati menerusi pelaksanaan dasar yang merendahkan kedudukannya.

Sesungguhnya dasar PPSMI telah memuliakan bahasa Inggeris yang telah didayamajukan bukan sahaja oleh Great Britain, tetapi juga oleh Amerika Syarikat dan Australia. Begitulah bahasa bekas penjajah negara Malaysia telah dijulang semula ke atas takhta kolonialnya. Prof. Md. Salleh Yaapar menyebut bahawa hal ini berlaku disebabkan pemikiran yang melihat kedudukan bahasa Inggeris di peringkat antarabangsa sebagai bahasa ekonomi (*lingua economica*) dan juga bahasa teknologi (*lingua technologica*) yang wajib dijunjung tinggi. Sebenarnya keadaan inilah yang dikehendaki malah menjadi perancangan kuasa-kuasa kolonial terutama Amerika Syarikat dan Great Britain. Hal ini telah diungkap dengan penuh gembira dan angkuh oleh David Rothkopf dalam tulisannya ‘In Praise of Cultural Imperialism: Effects of Globalization on Culture’ (1997). Prof. Md. Salleh Yaapar menegaskan bahawa dasar PPSMI telah membuatkan perkembangan bahasa Melayu menjadi terencat. Oleh itu, nasihat penting diutarakan oleh Prof. Md. Salleh Yaapar kepada pihak berwajib agar lebih berhati-hati dalam mengurus kedudukan bahasa Melayu. Kelemahan bahasa Melayu pasti membawa kepada kelemahan kedudukan kesusasteraan berbahasa Melayu, dan keadaan ini turut melibatkan kalangan kaum bukan Melayu.

Meskipun terdapat pelbagai usaha yang dilakukan oleh individu maupun persatuan dan pertubuhan berkait dengan bahasa dan kesusasteraan untuk melestarikan ketinggian kedudukan bahasa Melayu, satu perkara yang masih belum dapat direalisasikan ialah berkenaan usaha mewujudkan Dasar Kesusasteraan Kebangsaan. Di negara ini sudah lama wujudnya Dasar Bahasa Kebangsaan, Dasar Pendidikan Kebangsaan, dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang secara prinsipnya dapat memantau dan menentukan hala tuju serta perkembangan bidang-bidang berkenaan. Malangnya, sehingga kini belum wujud Dasar Kesusasteraan Kebangsaan, walaupun konsep mengenainya telah lama dibincang dan dirumuskan dalam satu kongres yang diadakan di Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 16-20 Ogos 1971. Teras utama rumusan kongres mengenai bahasa ialah bahasa Melayu hendaklah benar-benar diangkat sebagai bahasa pengucapan dalam karya sastera dan persuratan di Malaysia. Namun, sepertimana yang diungkapkan oleh Prof. Md. Salleh Yaapar “Tiada apa yang dapat dikata, kerana konsep dasar ini masih tersimpan dalam fail ‘Rumusan Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971’.”

Tanpa wujudnya Dasar Kesusasteraan Kebangsaan atau seumpamanya, maka menurut Prof. Md. Salleh Yaapar, para penggiat dan peminat sastera berpotensi memandang sepi terhadap kesusasteraan berbahasa Melayu. Malah ketika ini, korpus kesusasteraan berbahasa Melayu kelihatan seperti tidak lagi dianggap sebagai bahan ilmu yang penting. Dengan asakan globalisasi, rakyat Malaysia pada abad ke-21 termasuk golongan remaja dan pelajar sekolah kelihatan lebih berbangga dengan bahasa Inggeris dan kesusasteraan berbahasa Inggeris, lebih-lebih lagi dengan kehadiran ekspresi kesusasteraan berbentuk digital masa kini. Kepentingan sebuah dasar yang memberi fokus terhadap Kesusasteraan Melayu perlu dijadikan asas perjuangan semua pihak bagi memastikan kedudukan bahasa dan kesusasteraan Melayu kembali utuh sehingga dapat melahirkan karya-karya pantulan global yang baharu. Perkara ini bukanlah sesuatu yang mustahil kerana ia pernah berjaya digapai dan akan kekal dalam lipatan riwayat sejarah Kesusasteraan Melayu.

Cabarannya yang sedang melanda dunia Kesusasteraan Melayu turut memaparkan dimensi baharu dengan kemunculan Revolusi Industri 4.0 (RI 4.0). Kepantasan inovasi diyakini akan membawa bersamanya “ribut pemusnahan kreatif” (*gales of creative destruction*). Ini sudah pasti akan menggoncang kedudukan dan orientasi insan dalam segenap bidang kehidupan termasuklah bidang penulisan kreatif dan kesusasteraan secara umumnya. Dalam senario pemerkasaan penggunaan mesin dan robot pintar, maka kedua-duanya akan merampas kebanyakan pekerjaan manusia. Lebih parah, kedua-dua ‘makhluk’ tersebut akan mengugat kedudukan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah s.w.t. di dunia. Penjelasan ini dinyatakan oleh Prof. Md. Salleh Yaapar dengan penuh keinsafan agar setiap individu berusaha mengawal keadaan dalam era kebangkitan RI 4.0 menyelinap masuk dalam kehidupan manusia.

Kedatangan RI 4.0 merubah banyak perkara termasuk perubahan persekitaran manusia yang tidak lagi berada pada realiti yang asli kurniaan Ilahi. Akibat perkembangan Internet, banyak benda yang merangkaikan data, banyak yang akan berubah menjadi realiti simulasi atau realiti tiruan (*virtual reality*), dan realiti yang diperhebatkan (*augmented reality*). Menurut Prof. Md. Salleh Yaapar lagi, tsunami perubahan ini sebenarnya telah pun melanda bidang Kesusasteraan. Di Jepun pada awal tahun 2016 lagi, Future University Hakodate telah melancarkan satu program Kecerdasan Buatan bagi menghasilkan novel-novel sibernetik-organisme (*cyborg*). Hasilnya, sebuah novel pendek berjudul ‘Konpyuta ga shosetsu wo kaku hi’ (The Day a Computer Writes a Novel) telah berjaya dicipta, dan hampir memenangi satu pertandingan sastera peringkat kebangsaan di Jepun. Bagi tujuan mendepani cabaran globalisasi dan revolusi masa kini, Prof. Md. Salleh Yaapar

menjelaskan keperluan untuk setiap insan yang terlibat dalam Kesusasteraan Melayu menginsafi bahawa robot dan seumpamanya bukanlah insan. Justeru dalam konteks penghasilan karya sastera, robot pasti tidak dapat mengungkap watak hamba dan khalifah Allah s.w.t., apakah lagi memenuhi seluruh tuntutan seni Islami yang murni. Sebagai hamba dan khalifah Allah s.w.t., karya seni mestilah menampilkan kisah kehidupan insani, yang digubah dengan Tasawur Islam dan Manhaj Rabbani untuk santapan jiwa setiap Muslim.

Seterusnya, Prof. Md. Salleh Yaapar menyentuh perkara yang melibatkan persiapan ke arah menangani kemaraan ‘makhluk’ Kecerdasan Buatan dan rakan-rakannya agar Kesusasteraan Melayu tetap terpelihara dan sehaluan dengan agama Islam. Bagi tujuan ini, Prof. Md. Salleh Yaapar menegaskan bahawa persiapan yang paling ampuh ialah tindakan memperkuatkhan jati diri Melayu sebagai insan yang memiliki Tasawur Islam bersama syariatnya, menerusi Manhaj Rabbani. Oleh itu, Prof. Md. Salleh Yaapar menzahirkan harapan agar para pengarang dan khalayak Kesusasteraan Melayu yang majoritinya beragama Islam, agar tidak mudah menyerah kalah kepada mesin dan robot apabila dilanda ‘ribut pemusnahan kreatif’, atau memandang sepi dakyah dan kegiatan kumpulan-kumpulan yang bertentangan dengan budaya Melayu dan akidah Islam.

Hakikatnya seni sastera dan persuratan dalam Kesusasteraan Melayu ialah satu ekspresi kehidupan yang berkait terus dengan Tasawur Islam yang meliputi pandangan yang menyeluruh (*syumuli*), dan jitu tentang Allah s.w.t. (*Rabbani*), alam semesta (*'alami*) dan manusia (*waqi'i*). Secara ringkasnya, Tasawur Islam bertitik tolak daripada wahyu dan berasaskan prinsip ontologial dan kosmologikal yang amat penting iaitu tauhid. Berdasarkan tauhid, secara jelas membuktikan perbezaan antara Allah s.w.t. sebagai Tuhan yang Maha Mencipta (*Khaliq*), manakala manusia sebagai makhluk. Perbezaan inilah yang membuktikan manusia wajib menjalani kehidupan berdasarkan ketetapan Allah s.w.t. sesuai dengan kedudukannya sebagai makhluk. Pengabdian manusia sebagai makhluk kepada Allah s.w.t. mewajarkan mereka menjalani kehidupan berdasarkan Manhaj Rabbani yang datang bersama syariat Islam. Secara ringkas, Manhaj Rabbani boleh difahami sebagai jalan terang yang membolehkan seseorang insan sentiasa meletakkan Allah s.w.t. sebagai keutamaan dalam matlamat kehidupannya dan segala amalannya.

Justeru, tujuan penghasilan karya seni sastera dalam Islam sewajarnya membantu pengarang dan khalayak menjadi insan yang sempurna iaitu sebagai hamba dan khalifah Allah s.w.t. di dunia ini. Keperluan memahami serta melakukan aktiviti pengkaryaan dengan berasaskan Manhaj Rabbani bukan lagi satu pilihan sebaliknya ia merupakan satu kewajipan terhadap setiap Muslim. Di peringkat ini, Prof. Md. Salleh Yaapar mengingatkan bahawa Tasawur Islam dan Manhaj Rabbani tidak akan wujud lagi sekiranya RI 4.0 menjadi kenyataan dan dibiarkan mendominasi segala aspek kehidupan umat Melayu-Islam, termasuk dalam menghasilkan karya sastera. Hal ini kerana robot dan seumpamanya hanya mempunyai akal buatan, yang tidak mempunyai roh dan jiwa, justeru tidak akan mengenal perintah dan ketetapan Allah s.w.t.

Dalam *khatimah* ucaptama ICMAEL 2022, Prof. Md. Salleh Yaapar mengulangi fakta bahawa Kesusasteraan Melayu telah berjaya menonjolkan kekuatannya menerusi karya dan genre tertentu yang membuat pantulan global. Suasana masa kini yang berlaku adalah kesan buruk daripada era pasca-merdeka, juga tekanan yang dihadapi daripada proses globalisasi yang tidak terkawal, serta kelemahan dalaman. Cabaran yang dibawa oleh RI 4.0 cukup hebat dan perkara ini memerlukan semua pihak mendepani cabaran dengan memperkuatkhan jati diri Melayu-Islam termasuk para pengkarya dan penggiat sastera serta khalayak masyarakat keseluruhannya. Prof. Md. Salleh Yaapar menegaskan bahawa antara langkah yang perlu diambil perhatian oleh semua pihak yang dinyatakan ialah dengan kembali kepada Tasawur Islam dan Manhaj Rabbani melibatkan kerja-kerja sastera. Jalan penyelamat dalam usaha mendepani cabaran dunia sastera masa kini sudah pasti merujuk kepada jalan yang mengarah kepada Allah s.w.t. Perkara ini sebenarnya telah dijelaskan oleh Allah s.w.t. menerusi firman-Nya dalam al-Quran yang bermaksud:

“Katakanlah (wahai Muhammad): Inilah jalanku, aku dan golongan yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan: Maha suci Allah (daripada segala iktikad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku daripada golongan yang memperseketukan Allah dengan sesuatu yang lain.”
(Yusuf: 108)

PERANAN CENTRE OF QURANIC RESEARCH (CQR)

DALAM MEMACU KECEMERLANGAN UNIVERSITI MALAYA

Ulasan oleh:

Kasimah Kamaruddin, PhD.

Emel: kasimah@unisza.edu.my

Profesor Dato' Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli Haji Mohd Yusoff merupakan salah seorang profesor di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM) dalam bidang pengajian al-Quran dan menjawat jawatan pengarah CQR Universiti Malaya dari tahun 2010 hingga kini. Selain bidang akademik, beliau juga aktif menjalankan kerja sosial dan kemasyarakatan. Beliau juga merupakan seorang tokoh ilmuwan besar yang memperjuangkan penyelidikan dalam dalam bidang al-Quran. Justeru, kerberadaan beliau selaku pengucap utama dalam Seminar Antarabangsa al-Quran dan al-Sunnah Dalam Masyarakat Kontemporari (SQ2022) sangat bertepatan dengan bidang kepakaran beliau iaitu tafsir al-Quran, pengajian al-Quran, dan metodologi pengajian al-Quran. Ucaptama beliau bertajuk ‘Peranan Sebuah Institusi atau Pusat Penyelidikan Dalam Memacu Kecemerlangan IPTA’.

Prof. Dr. Mohd Yakub memulakan ucaptamanya dengan menceritakan sejarah penubuhan Centre of Quranic Research (CQR) atau dikenali sebagai Pusat Penyelidikan al-Quran. Ia merupakan sebuah pusat penyelidikan yang telah ditubuhkan di Universiti Malaya pada tahun 2010 dan merupakan pusat penyelidikan pertama di Malaysia yang memfokuskan kepada penyelidikan dalam bidang al-Quran. Menurut beliau lagi, kehebatan yang terdapat pada CQR ialah para pengkaji terdiri daripada gabungan pelbagai latar belakang kepakaran antaranya pengkaji dari Akademi Pengajian Islam, Fakulti Sains Komputer, Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Sains Kesihatan. Dengan adanya kepakaran dalam pelbagai latar belakang, ia amat membantu CQR dalam menjalankan penyelidikan bertaraf dalam dan luar negara. Beliau turut mengemukakan contoh penyelidikan berkaitan konsep halal yang telah dilakukan oleh CQR yang menggunakan kemahiran pengkaji dari bidang al-Quran dan Hadis serta neuro sains yang mengkaji berkaitan pengaruh aspek neuro dalam membentuk personaliti selepas membaca al-Quran. Selain itu, rakan penyelidik dari Fakulti Sains Komputer juga melaksanakan *Program Mobile Learning* menguji perisian menggunakan pelbagai aplikasi yang membantu orang-orang yang tidak celik al-Quran. Dari aspek pencapaian dalam penerbitan pula, Jurnal Quranica telah diterbitkan oleh CQR bermula pada tahun 2011 dan hingga kini mempunyai 14 penerbitan serta dikeluarkan dua kali setahun pada bulan Jun dan Disember.

Menurut Prof. Dr. Mohd Yakub, CQR berperanan memacu kecemerlangan UM menerusi aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti penyelidikan, penerbitan, penganjuran bengkel dan perbincangan meja bulat dalam bidang pendidikan, agama, sastera, sains dan teknologi. Gabungan kepakaran dari pelbagai fakulti menghasilkan penyelidikan dan ilmu pengetahuan baharu yang dapat dikongsikan untuk kemajuan negara dan masyarakat. Beliau menjelaskan, hasil daripada kolaborasi yang dilakukan bersama USIM, PONDOKU dan FAQIH, program yang mengambil berat terhadap anak-anak autisme berkaitan pengajian al-Quran telah dapat dijalankan. Begitu juga dengan program Ain al-Quran yang membantu golongan yang tidak mahir dalam bahasa Arab untuk menguasai al-Quran. CQR juga amat mengalu-alukan kolaborasi dari pelbagai institut untuk turut serta menjalankan penyelidikan bersama CQR. CQR juga telah memperkenalkan Program Basmi Buta Huruf al-Quran yang diasaskan oleh Institut Pengajian al-Quran Malaysia yang berdaftar di bawah Jabatan Perdana Menteri. Program membasi buta huruf ini bersifat khidmat komuniti iaitu hasilnya peserta boleh membaca al-Quran dalam tempoh 28 jam, ditambah 32 jam lagi untuk menguasai ilmu tajwid dan ditambah 30 jam lagi supaya dapat memahami ayat al-Quran secara perkata.

Sepanjang 12 tahun penubuhan CQR, pelbagai anugerah telah diterima melalui penglibatan dalam program penyelidikan. Antaranya pada tahun 2018, CQR telah menerima Anugerah Cemerlang sebagai pusat penyelidikan (CoR) yang paling produktif. Menurut beliau lagi, aktiviti penyelidikan yang dijalankan serta rangkaian kerjasama dari pelbagai pihak dapat memberi peluang kepada CQR untuk terus berusaha memacu kecemerlangan di peringkat nasional dan antarabangsa. Selain itu, CQR bukan sahaja berperanan dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada kecemerlangan pengajian al-Quran dan Islam, malah turut menggalakkan kerjasama dan perbincangan yang merentasi bidang antara disiplin serta meneroka sebarang jenis penyelidikan yang boleh dikaitkan dengan penyelidikan al-Quran dan Islam. Di akhir ucaptamanya, beliau menyatakan hasrat CQR untuk menjadi sebuah pusat penyelidikan al-Quran yang berprestasi tinggi (Centre Of Excellent) serta terpilih dalam program pusat kecemerlangan Pendidikan Tinggi, Higher Institution Centres of Excellence (HICoE), di bawah Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan seterusnya melonjakkan CQR ke peringkat yang lebih tinggi.

HPUniSZA dan IJN ‘General Practitioner (GP) Workshop’

Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (HPUniSZA) dengan kerjasama Institut Jantung Negara (IJN) telah menganjurkan bengkel pengamal perubatan iaitu ‘General Practitioner (Gp) Workshop - Update in Cardiology in Terengganu’ pada 23 September.

Seramai tiga orang panel dijemput iaitu Perunding Kardiologi Kanak-kanak UniSZA, Prof. Dr. Kol. B. Wan Pauzi Wan Ibrahim; Pakar Perunding Kardiologi Kanak-Kanak IJN, Dr. Haifa Abdul Latif; dan Pakar Perunding Kardiologi IJN, Dr Beni Isman Rusani. Bengkel yang dirasmikan oleh Pengarah HPUniSZA, Prof. Dato’ Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif ini diadakan di Auditorium Al-Zahrawi, HPUniSZA dan disiarkan secara langsung dalam Facebook HPUniSZA.

Penganjuran kali ini disertai oleh seramai 130 orang pengamal perubatan dari seluruh kawasan pantai timur.

Topik yang telah dibentangkan adalah berkaitan dengan Kesihatan Jantung dan Rawatan oleh pakar HPUniSZA dan IJN dari pelbagai sub-kepakaran iaitu ‘Spectrum of Heart Disease in Children’, ‘Diagnosis and Management of Congenital Heart Disease: A Current Approach’ dan ‘Could Patient with Normal Ejection Fraction >50% on Echo Have Heart Failure’. Sambutan yang diterima daripada pengamal perubatan seluruh Terengganu terhadap bengkel ini amat menggalakkan. Pelbagai persoalan telah dijawab dengan baik oleh pakar-pakar yang terlibat. Justeru, HPUniSZA dan IJN amat menghargai semua pihak yang mengambil bahagian dan terlibat dalam menjayakan bengkel ini.



PUSAT PENGURUSAN KECEMERLANGAN DAN INOVASI AKADEMIK ANJUR BENGKEL PELAKSANAAN APEL DAN ODL

APEL merupakan satu proses sistematik yang melibatkan identifikasi, dokumentasi dan penilaian pembelajaran berdasarkan pengalaman terdahulu. APEL melibatkan pengenalan, dokumentasi dan penilaian pembelajaran pengalaman sebelumnya untuk menentukan sejauh mana seseorang individu telah mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan, untuk akses ke program pengajian dan / atau pemberian kredit.

Kemasukan melalui APEL memberi peluang kepada individu yang mempunyai pengalaman bekerja tetapi kekurangan kelayakan akademik formal untuk melanjutkan pengajian formal di Institusi Pengajian Tinggi. Secara umumnya, pengetahuan yang diperoleh melalui pendidikan formal dan pengalaman kerja dinilai.

Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (ODL) pula merujuk kepada peruntukan peluang pembelajaran yang fleksibel dari segi akses dan pelbagai mod pemerolehan pengetahuan. ODL bersifat fleksibel bermaksud pilihan yang tersedia untuk mendapatkan pendidikan di mana sahaja, bila-bila masa dan dengan apa cara sekalipun. ODL memberi akses dengan penggunaan pelbagai sistem penyampaian dan sumber pembelajaran.

Justeru, Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik (CoMAE-i) telah menganjurkan Bengkel Pelaksanaan APEL dan Open and Distance Learning (ODL) kepada staf akademik UniSZA. Bengkel yang diadakan pada 8 September di Dewan Perdana UniSZA, Kampus Gong Badak dikendalikan oleh penceramah jemputan iaitu Timbalan Naib Canselor Asia e-University, Prof. Dr. Titik Khawa Abdul Rahman. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk meningkatkan kefahaman staf akademik terhadap pelaksanaan APEL dan ODL yang komprehensif, memperkasa transformasi akademik dalam pembentukan kurikulum yang boleh disesuaikan dengan pelbagai latar belakang pelajar serta untuk memperkasa amalan baik dari aspek pembentukan, promosi, jaminan kualiti dan penilaian yang menyeluruh program APEL dan ODL di UniSZA.



Kelab MyAgrosis UniSZA

Anjur Bengkel Melon Manis Terengganu Secara Fertigasi

Kepentingan mempelajari teknologi model pertanian pada hari ini dapat memikat generasi muda untuk menyertai sektor agromakanan secara aktif. Justeru, Kelab MyAgrosis UniSZA dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor Unit Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) menganjurkan Bengkel Melon Manis Terengganu Secara Fertigasi RPH: ‘We Learn & We Do’ untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam penanaman melon serta menarik minat para peserta untuk menceburi bidang keusahawanan pertanian berasaskan tanaman melon.

Sesi bengkel dimulakan dengan perkongsian oleh Ikon Keusahawan Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) merangkap penceramah Agropreneur Melon Manis Terengganu, Encik Zaruddin Manaf. Perkongsian kejayaannya menyedarkan para peserta bahawa semua orang boleh menjadi usahawan pertanian tanpa mengira latar belakang dengan syarat tidak berputus asa, bersedia mengorbankan dana sendiri untuk maju, mengambil risiko mencuba perkara baharu dan mencari peluang baharu, konsisten dan berdisiplin, pemurah berkongsi ilmu dan mendidik orang lain untuk turut berjaya. Dalam bengkel yang diadakan pada 4 Jun lalu dengan kehadiran seramai 38 orang peserta, beliau turut memberi penerangan mengenai Sistem Fertigasi Rumah Perlindungan Hujan (RPH) Melon Manis Terengganu (MMT), kaedah demonstrasi lilitan secara teori dan demonstrasi teknik lilitan pokok. Setelah penerangan diberikan para peserta diminta untuk mencuba membuat lilitan sulur pada anak pokok MMT. Lilitan pada pokok MMT penting untuk dipelajari bagi memastikan buahnya berkualiti. Para peserta berpeluang mengecap kemanisan buah MMT segar dari ladang di Rumah Tinggi, Fertigasi Bimbingan Alor Lintang, Besut, Terengganu.



Clinical Pharmacy Preceptor Workshop

The Faculty of Pharmacy, UniSZA organised an online Clinical Pharmacy Preceptor Workshop on 20th September. The workshop provided initial exposure to clinical lecturers and hospital preceptors about the things that need to be emphasised during clinical clerkship, giving exposure, and increasing the understanding of clinical pharmacy lecturers and clinical preceptors regarding the process of supervising students during clinical clerkship at the hospital.

Prof. Dr. Syed Azhar Syed Sulaiman from the School of Pharmaceutical Sciences, Universiti Sains Malaysia (USM) delivered the main lecture which ran from 9:30 am until 12:00 noon. The workshop was attended by 35 participants from hospitals and health clinics from around Terengganu and Kelantan. A welcoming speech was given by the Dean of the Faculty of Pharmacy, UniSZA, Prof. Dr. Lua Pei Lin. Two topics were of importance, mainly ‘Strategies in Clinical Pharmacy Teaching and Activities’ and ‘Clinical Pharmacy Preceptorship: Do’s and Don’ts’. This knowledge sharing for two hours received a very encouraging response from the participants.

New knowledge and up-to-date practices were presented by the speaker, including the process of supervising during clinical clerkship, and sharing information on issues during clinical clerkship to ensure that the objectives of the clinical clerkship are achieved. Among the take home messages, participants need to improve their clinical knowledge with the latest guidelines, become educators and not just teachers, and ensure that lecturers and preceptors provide constructive comments and guidance to students, maintain an open mind, and communicate well with other health practitioners.

In conclusion, the participants were very satisfied with the information and knowledge shared by the speakers at the workshop. The faculty plans to hold a community pharmacy preceptor workshop to prepare for student community clerkship in the future.



Program Bengkel High Impact Education Practices (HEIPs)

Pada 16-17 Ogos, Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik (CoMAE-i) dengan Kerjasama Pusat Pengurusan Bakat dan Latihan (CenTTM) telah menganjurkan Bengkel High Impact Education Practices (HEIPs) di Dewan Auditorium Perpustakaan UniSZA. Penceramah jemputan merupakan staf akademik Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Muta Harah Zakaria.

Bengkel kali ini memfokuskan kepada empat daripada 13 elemen HIEPs iaitu *First Year Seminar / Experience*, *Learning Communities*, *Empirical Research* dan *Intensive Academic Writing*. Seramai 45 orang peserta dari 12 fakulti terlibat dengan bengkel kali ini. Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah untuk memperkasa elemen HIEPs dalam pembentukan kurikulum, kaedah Pembelajaran dan Pengajaran (PdP), pentaksiran dan inovasi akademik. Selain mengukuhkan pengetahuan, aplikasi dan praktis dalam kalangan staf akademik UniSZA berkenaan pelaksanaan HIEPs dalam program akademik di UniSZA serta menambah baik penajaran konstruktif kursus yang menerapkan elemen HIEPs dengan memastikan penerapan elemen HIEPs dalam kursus dilaksanakan secara berkesan.

Program ini menerima reaksi positif dan rata-rata peserta sangat berpuas hati dengan perkongsian oleh penceramah jemputan. Program ini diharapkan dapat mencapai objektif utamanya yang selari dengan matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk menjadikan HEIPs dalam PdP sebagai penunjuk prestasi utama bagi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, iaitu memperkasa pencapaian atribut holistik dan seimbang melalui *Service Community Based Learning* (SL) serta empat amalan pembelajaran berimpak tinggi. Amalan pendidikan berimpak tinggi HIEPs merujuk kepada strategi, teknik dan reka bentuk pengajaran dan pembelajaran berkesan bagi pelajar pelbagai latar belakang.



Bengkel Perniagaan Kelulut

Bengkel Perniagaan Kelulut ‘How to Start Business Premium Honey Soap’ anjuran Kelab MyAgrosis UniSZA yang diadakan pada 18 Jun di Tembila, Besut merupakan sebuah bengkel yang memberikan pendedahan produk hiliran dan huluhan Kelulut oleh penceramah jemputan. Sesi pagi dimulakan dengan perkongsian dan latihan amali oleh Pensyarah Kanan Fakulti Biosumber Industri dan Makanan (FBIM), Dr Norhayati Ngah. Beliau memberi penerangan mengenai ciri-ciri lebah kelulut, pembiakan kelulut, kawalan serangga perosak lebah kelulut, dan teknik penuaian hasil lebah kelulut.

Sesi kedua pula merupakan perkongsian pengalaman mengusahakan ternakan kelulut oleh Pengasas Rz Garden Enterprise merangkap usahawan graduan alumni UniSZA, Puan Nur Izzatie Zulkifli. Dalam sesi ini, para peserta diberi pendedahan dan semangat untuk menternak lebah kelulut bermula dari satu lot sehingga memiliki berpuluhan-puluhan lot dan seterusnya menjadi peraih kepada pengusaha kelulut lain. Beliau turut berkongsi tips memulakan perniagaan madu kelulut asli dari segi penjenamaan, pensijilan MyGAP serta merebut peluang dana dan perkhidmatan teknikal yang disalurkan oleh agensi kerajaan berdasarkan agromakanan. Seramai 34 orang pelajar telah menyertai bengkel ini. Selain daripada perkongsian oleh penceramah jemputan, para peserta juga berpeluang untuk menyertai acara kuiz yang diadakan dan memenangi produk madu kelulut jenama Rz Garden Enterprise. Para peserta turut diberi peluang merasai madu segar dengan menyedut sendiri dari sarang lebah kelulut.



Bengkel Pemerkasaan Keusahawanan dan Industri dalam Kurikulum

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) menekankan kepentingan pendidikan keusahawanan dalam sistem pendidikan. Aspek keusahawanan diberi keutamaan dan disenaraikan dalam Lonjakan Pertama: Menghasilkan Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan, dan Seimbang. Objektif lonjakan ini adalah untuk meningkatkan kualiti graduan dalam dimensi intelektual, rohani, emosi dan fizikal yang membolehkan graduan berjaya dalam ekonomi global yang kompleks dan menyumbang kepada kemajuan komuniti.

Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (PTK IPT) 2021–2025 dan Panduan Pendidikan Keusahawanan Bersepadu IPT atau MOHE

Guide to Entrepreneurship Integrated Education (EIE) dan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021–2025 juga diwujudkan bagi mendukung kelestarian agenda keusahawanan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) serta melahirkan lebih ramai graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan kompetitif seiring dengan revolusi teknologi. Pemantapan ekosistem keusahawanan yang bersinergi dan holistik serta pemerkasaan jaringan keusahawanan yang berimpak tinggi di UniSZA dapat menyokong usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) membangunkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang serta mempunyai kebolehpasaran yang tinggi sejajar dengan Falsafah Pendidikan Tinggi Kebangsaan. Sehubungan itu, Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik (CoMAE-i) telah menganjurkan Bengkel Pemerkasaan Keusahawanan dan Industri dalam Kurikulum kepada staf akademik UniSZA ke arah memperkasa pendidikan keusahawanan di UniSZA dan menambah baik penerapan elemen keusahawanan dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) serta mewujudkan jaringan dengan industri dan komuniti untuk melahirkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi. Bengkel ini diadakan pada 27 Jun di Dewan Auditorium Perpustakaan UniSZA kampus Gong Badak. Penceramah bengkel ini ialah pensyarah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof. Madya Dr. Ramesh K S @ Mohd Zaidi bin Abd. Rozan dan Timbalan Pengarah Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar (PaKaT), UniSZA, Dr. Fazida Karim.

Objektif utama pelaksanaan bengkel ini adalah untuk memperkasa aspek keusahawanan dan jaringan industri dalam pembentukan kurikulum, kaedah pembelajaran dan pengajaran, pentaksiran dan inovasi akademik serta untuk mendedahkan staf akademik UniSZA kepada pendidikan keusahawanan abad ke-21 dan keperluan dalam mewujudkan kerjasama strategik dengan industri dalam kurikulum. Peserta bengkel ini terdiri dari Timbalan Dekan Akademik, Penyelaras Industri-Akademia dan Keusahawanan serta dua orang pensyarah dari setiap fakulti. Secara keseluruhannya peserta sangat teruja dan berpuas hati dengan kandungan bengkel yang disampaikan oleh penceramah-penceramah tersebut.



Program Latihan dan Pensijilan *Augmented Reality Mobile Apps* Siri I 2022

Pada 9 Ogos, UniSZA Digital Hub dengan kerjasama Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) telah mengadakan Program Latihan dan Pensijilan *Augmented Reality Mobile Apps* yang bertempat di Auditorium Perpustakaan Al-Wathiqu Billah, UniSZA Kampus Gong Badak.

Program ini melibatkan seramai 35 orang kakitangan akademik dan pelajar UniSZA. Program ini dikendalikan oleh pensyarah FIK, Dr. Mohd Kamir Yusof dan Dr. Wan Mohd Amir Fazamin Wan Hamzah. Selain menerapkan teknologi penambahan yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran, program ini juga bertujuan memastikan peserta mempunyai kemahiran teknikal sejajar dengan perkembangan teknologi dan menyediakan program yang berbentuk *upskilling* dan *reskilling*. Komponen bengkel ini ialah *Augmented Reality Mobile Apps* yang terdiri daripada *Information*, *Digital Content Creation* dan *Problem Solving*.

Susulan daripada maklum balas positif daripada para peserta, Siri II program ini dirancang untuk diadakan pada Oktober 2022.



UniSZA Sertai *Program TUBE@IPT*

Program Tunas Usahawan Bumiputera (TUBE@IPT) merupakan inisiatif kerajaan bagi program keusahawanan melibatkan kerjasama antara Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) bersama Menteri Pengajian Tinggi (KPT). Penganjuran program bertujuan meningkatkan penglibatan graduan dalam bidang keusahawanan serta menangani isu pengangguran yang meningkat sewaktu penguncutan sektor ekonomi akibat pandemik COVID-19.

Susulan perasmian program ini pada 30 September 2021, SME Corporation Malaysia telah memilih 17 orang peserta dari UniSZA untuk menyertai Program Tube@IPT melibatkan jumlah dana keseluruhan sebanyak RM225, 000. Hasil daripada program ini, jumlah jualan semua peserta UniSZA bermula Januari sehingga Ogos 2022 adalah sebanyak RM1,259,265.59 dan membuka peluang pekerjaan kepada 49 orang pekerja. Pelbagai jenis perniagaan telah dijalankan oleh peserta dari UniSZA seperti jualan pakaian dan makanan, perkhidmatan khat, perkhidmatan insurans dan pembersihan, pertanian dan peternakan ikan air tawar, serta pendidikan saham.



Objektif program TUBE@IPT adalah untuk memupuk dan menanam semangat keusahawanan, menggalakkan bidang keusahawanan serta meningkatkan minat dalam kalangan pelajar dan graduan untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Seterusnya menerusi penganjuran program ini, ia dapat membentuk daya tahan dan jati diri dalam mengendalikan perniagaan sendiri.

Penganjuran program ini diharap mampu membentuk nilai kepimpinan, keusahawanan dan pengorganisasian dalam kalangan pelajar dan graduan yang seterusnya membuka ruang serta peluang mereka untuk menceburi bidang keusahawanan.

Terengganu Peers STEM Coaching ‘Boot Camp’ 2022

Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA (PUSPA) dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT), Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu (PSKT), JAZRO Robotic Academy dan Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud (SESMA) telah mengadakan Program Terengganu Peers STEM Coaching ‘Boot Camp’ 2022. Program ini berlangsung pada 9-10 September melibatkan seramai 2,089 peserta dari 15 sekolah elit dan 60 buah sekolah harian.

Terdapat lima modul telah digunakan secara hibrid dalam program ini iaitu Modul STEM Kesihatan yang dibangunkan oleh UniSZA, Modul STEM Kelautan oleh UMT, Modul Eksplorasi STEM oleh SESMA, Modul STEM Kreativiti dan Inovasi oleh PSKT dan Modul STEM Robotik oleh JAZRO Robotic Academy. Bagi modul STEM kesihatan, aktiviti yang dijalankan ialah Jantung DIY, “I Don’t Sweat, I Sparkle!”, Snek Mufin Sihat, Formulasi Pembasmi Kuman, Explorasi Sains Mistik dan Penerokaan Pengimejan Resonan Magnet dalam Kesihatan Manusia.

Program ini ditaja sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Terengganu bagi memperkasa Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam kalangan murid sekolah. Objektif utamanya adalah untuk memperluas akses pembelajaran STEM kepada komuniti luar bandar terutamanya golongan yang berpendapatan rendah. Selain itu, program ini dapat memperkasa bidang STEM di negeri Terengganu dan menggalakkan murid memilih bidang STEM untuk peringkat seterusnya.

Hasil daripada penyertaan dalam program ini, para peserta lebih berani berkomunikasi di hadapan khayalak ramai, sekali gus meningkatkan potensi dan keyakinan diri mereka. Berdasarkan tinjauan, rata-rata murid yang menyertai program ini memberi maklum balas yang positif dan menyatakan minat mereka untuk menceburi bidang STEM selepas tamat sekolah menengah. Pihak PUSPA turut berharap agar program ini dapat dijalankan secara berterusan pada masa akan datang.



FIK Anjur Program Syarahan Akademik Secara Dalam Talian

Pada 22–23 Jun, Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) UniSZA telah melaksanakan Program Syarahan Akademik secara dalam talian bersama Profesor Pelawat, Prof. Dr. Imas Sukaesih Sitanggang.

Beliau yang merupakan pensyarah di Fakulti Matematik dan Sains Tulen, Institut Pertanian Bogor Universiti Indonesia telah meluangkan masa bersama pelajar dan staf akademik fakulti selama 2 hari bagi melaksanakan program ini. Prof. Dr. Imas Sukaesih Sitanggang yang berkepakaran dalam bidang penyelidikan di peringkat nasional dan antarabangsa berbesar hati untuk membentangkan kertas kerja berjudul “IR 4.0: Peluang dan Cabaran”. Beliau turut berkongsi tips bagi Penyelidikan dan Penerbitan Jurnal Berimpak Tinggi.

Melalui programma ini, fakulti berpeluang untuk menjalankan kerjasama dengan beliau dalam bidang penyelidikan sekali gus meningkatkan prestij, kualiti dan prestasi FIK.

FIK Anjur Program Syarahan Akademik Secara Dalam Talian

Academic Talk

i. IR 4.0 DAN CABARANNYA
ii. PENYELIDIKAN & PENERBITAN JURNAL BERIMPAK TINGGI

Bersama Profesor Pelawat
PROF. DR. IMAS SUKAESIH SITANGGANG
FAKULTI MATEMATIK & SAINS TULEN, IPB UNIVERSITI, INDONESIA

SEJENAK BERSAMA **TIMBALAN NAIB CANSELOR**

(Akademik dan Antarabangsa)



PROF. DR. ZUHAIRAH ARIFF ABD GHADAS

1. Tahniah diucapkan kepada YBrs. Prof. atas lantikan sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniSZA yang baharu. Sebagai mukadimah, boleh YBrs. Prof. kongsikan sedikit latar belakang YBrs. Prof.?

Alhamdulillah dan terima kasih atas ucapan tahniah yang diberikan. Saya berharap akan mendapat sokongan, bantuan dan doa daripada semua warga UniSZA untuk saya menjalankan tanggungjawab yang diberikan dengan amanah dan cemerlang. Sebagai latar belakang ringkas, saya berasal dari Seremban, Negeri Sembilan. Saya mengikuti pengajian sekolah rendah di Sekolah Rendah Kebangsaan King George V, Seremban dan seterusnya menyambung pengajian di Sekolah Menengah Kebangsaan King George V, Seremban sehingga tingkatan tiga. Setelah mendapat keputusan Sijil Rendah Pelajaran (SRP), saya mendapat tawaran untuk menyambung pengajian tingkatan empat dan lima, di Sekolah Menengah Sains Muar, Johor. Setelah mendapat keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), saya ditawarkan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk menyambung pengajian di peringkat A-Level (Cambridge Board) di Kolej Tunku Kurshiah, Seremban, Negeri Sembilan. Setelah menamatkan pengajian A-Level, saya mendapat biasiswa JPA untuk menyambung pengajian dalam LLB (Hons) in Business Law di Huddersfield Polytechnic (University), West Yorkshire, United Kingdom. Setelah tamat pengajian Sarjana Muda Undang-undang Perniagaan, saya mendapat tawaran sebagai Penolong Pensyarah dari UIAM dan menyambung pengajian dalam bidang Sarjana Undang-undang Perbandingan di UIAM. Setelah tamat pengajian Sarjana, saya dilantik sebagai pensyarah di Fakulti Undang-undang,

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Setelah lima tahun berkhidmat sebagai pensyarah, saya menyambung pengajian ke peringkat doktor falsafah dalam pengkhususan Undang-undang Perniagaan di Universiti Putra Malaysia. Saya mula berkhidmat di UniSZA pada tahun 2014. Namun begitu, sebelum saya berkhidmat di UniSZA, saya telah berkhidmat sebagai pensyarah di UIAM selama 22 tahun. Semasa di UIAM, saya juga dilantik sebagai felo asrama kediaman pada tahun 1992 hingga 1994, dan pada tahun 1996 hingga 1999, pengetua asrama kediaman Mahallah Sumayyah pada tahun 2000 hingga 2008 dan sebagai Group Legal Adviser IIUM Holdings Sdn Bhd pada tahun 2010 hingga 2014. Dalam tempoh perkhidmatan di UIAM, pada tahun 2010 saya juga telah menjalankan pengajian sabatikal di Otago University, New Zealand dan dilantik sebagai Felo Pelawat di National University of Singapore pada tahun 2012. Pada tahun 2014, saya telah dipinjamkan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia ke UniSZA sebagai pensyarah di Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA). Pada tahun 2016, saya telah menamatkan perkhidmatan di UIAM dan menjadi staf tetap UniSZA. Sebelum dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), saya memegang jawatan sebagai Penasihat Undang-undang UniSZA pada tahun 2014 hingga 2019) dan dilantik sebagai Dekan FUHA pada tahun 2014 hingga 2022.



2. Pada Semester I Sesi 2022/2023, institusi pengajian tinggi akan menerima pelajar baharu dan lama secara bersemuka. Apakah persediaan yang telah dan akan dilakukan bagi memastikan kelancaran pelajar kembali ke kampus?

Pihak Pengurusan UniSZA telah bersetuju untuk menjalankan semula pembelajaran dan pengajaran (PdP) secara bersemuka sepenuhnya pada Semester 1, sesi 2022/2023 yang bermula pada bulan Ogos 2022 bagi pelajar Asasi Sains dan Perubatan dan pelajar Pengajian Diploma, manakala sesi bagi pelajar pengajian Sarjana Muda pula bermula pada bulan Oktober 2022. Setelah hampir tiga tahun, PdP dijalankan secara dalam talian, semua pihak yang terlibat dengan PdP di UniSZA mengambil maklum tentang persediaan dan tindakan yang perlu diambil bagi memastikan PdP secara bersemuka pada Semester 1, sesi 2022/2023 dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan. Pelbagai tindakan proaktif serta gerak kerja telah dilakukan seperti memeriksa kondisi semua bilik kuliah serta peralatan PdP di dalam bilik kuliah. Bukan itu sahaja, penggantian perkakas dan peralatan yang rosak seperti kerusi, projektor dan komputer sedang giat dilakukan oleh Pusat Tanggungjawab (PTj) yang terlibat. Dijangka proses penggantian peralatan akan siap sepenuhnya pada 15 November 2022. Untuk sementara waktu, kelas-kelas yang terlibat dilaksanakan secara dalam talian, manakala kelas-kelas lain dilaksanakan secara bersemuka. Penggunaan *Smart Projector* juga telah digantikan di bilik-bilik kuliah bagi memastikan proses PdP berjalan dengan lancar dan dalam suasana yang kondusif. Audit bagi bilik kuliah, makmal dan lokasi yang melibatkan PdP juga telah dijalankan oleh Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik (CoMAE-i), Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian (PPIR) dan Pusat Pengurusan Harta Benda (PPHB). Semua fakulti juga telah bertindak proaktif dengan melakukan semakan terhadap struktur program yang ditawarkan dan semua pensyarah telah dimaklumkan untuk bersedia menjalankan PdP secara bersemuka sepenuhnya semula pada Semester 1, sesi 2022/2023. Secara amnya, semua pihak yang terlibat telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan PdP secara bersemuka dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar pada semester baharu ini.

3. Revolusi Industri 4.0 turut mempengaruhi aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP) kini seperti pelaksanaan kaedah *cybergogy*. Apakah perancangan dan pengaplikasian yang dibakal dilaksanakan UniSZA ke arah mencapai kaedah digitalisasi dalam PdP?

Revolusi Industri 4.0 memberikan kesan secara langsung kepada semua industri termasuk industri pendidikan kerana bidang ini menjadi asas kepada penyedia tenaga kerja pada masa hadapan bagi memenuhi keperluan pasaran pekerjaan berteraskan Revolusi Industri 4.0. Pendidikan 4.0 secara amnya, ditakrifkan sebagai penggunaan teknologi dalam konteks pembelajaran dan pengajaran untuk menghasilkan graduan kalis masa hadapan yang mempunyai keupayaan dan kecekapan yang diperlukan oleh industri. Pedagogi PdP dalam

pendidikan 4.0 tertumpu kepada penggunaan teknologi. Oleh itu, warga pendidik perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan teknologi maklumat serta komunikasi (ICT) dan memiliki kefahaman yang jelas mengenai teknologi terkini untuk memantapkan lagi sesi PdP. Di peringkat pengajian tinggi, untuk mencapai objektif pendidikan 4.0, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah merombak proses pengajaran dan pembelajaran pelajar dengan memberi fokus kepada empat aspek utama, iaitu, mereka bentuk semula ruang pembelajaran, penggabungan pedagogi abad ke-21, menggunakan kurikulum yang fleksibel dan organik serta bertindak balas kepada inovasi dan bidang pengetahuan baharu dengan penggabungan teknologi pembelajaran dan pengajaran terkini. Pensyarah perlu melengkapkan diri dengan kebolehan digital asas ini seperti merekod dan mengedit klip audio, mencipta video beranotasi, menggunakan laman web serta rangkaian sosial seperti Facebook dan blog untuk berkongsi sumber dalam kelas dan mewujudkan ruang penyertaan bagi pelajar dan kreatif dalam merangka metod penilaian secara dalam talian. Di UniSZA, untuk memastikan pengaplikasian kaedah digitalisasi dalam PdP, CoMAE-i telah diberi peranan utama dalam urusan berkaitan pelaksanaan Kurikulum Tersedia Masa Hadapan (FRC), e-Pembelajaran, meningkatkan kemahiran pensyarah dalam membangunkan kandungan PdP, serta pengurusan sistem inovasi akademik dalam pendidikan. Bagi mengukuhkan kemahiran pensyarah di UniSZA, CoMAE-i telah menjalankan kursus dan latihan berkala yang berterusan diberikan kepada pensyarah. Sejak kedatangan COVID-19, kita telah mulakan PdP secara dalam talian. Kita kembangkan PdP menggunakan teknologi maklumat. Cuma, untuk yang terbaru kita telah mewujudkan blok inovasi. Beberapa bilik kuliah yang telah dinaik taraf dan dijadikan sebagai *hybrid lecture* secara dalam talian dan melibatkan secara bersemuka.

Kita juga menggalakkan pensyarah mereka cipta aplikasi (*apps*) untuk digunakan dalam PdP. Sekarang ini dalam Minggu Penyelidikan dan Inovasi (MPI), banyak *apps* yang telah direka cipta dan kita berharap *apps* berkenaan dapat diaplikasikan. Bukan itu sahaja, kita juga telah membuat penambahbaikan terhadap geran SoTL dan tahun ini paling banyak geran SoTL dianugerahkan kepada para pensyarah, iaitu sebanyak sebelas geran. Kesemua geran berkenaan adalah ke arah teknologi maklumat. Harapan saya agar kesemua pensyarah dapat mengaplikasikan penyelidikan yang dibuat untuk PdP yang bakal dilaksanakan. Di UniSZA, kita ada eCofi dan eKlip yang merupakan antara platform PdP yang digunakan oleh para pensyarah. Untuk pengetahuan, semua sistem atau *apps* secara bersepada sedang berada dalam fasa percubaan di peringkat CoMAE-i dan PPIR. Sistem ini dinamakan Sistem Pentaksiran Bersepadu. Sistem ini dibangunkan bagi memastikan kesahihan dan kualiti pentaksiran secara digital yang diintegrasikan dengan sistem akademik sedia ada serta diperkasakan dengan fungsi Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence* (A.I)). Pelaksanaan Sistem Pentaksiran Bersepadu ini sangat penting sebagai satu inisiatif untuk mewujudkan ekosistem bersepadu PdP maya di UniSZA dalam aspek pembangunan sistem pentaksiran yang berintegrasi, berautomasi dan diperkaya dengan fungsi keselamatan yang tinggi. Sistem ini juga dilengkapi dengan analisa pencapaian pelajar berdasarkan pendidikan berdasarkan hasil pembelajaran *Outcome-Based Education* (OBE). Bukan itu sahaja, penyediaan sistem ini merupakan satu platform bagi mengukuhkan pentaksiran dalam talian seperti pengesahan identiti pelajar menggunakan teknologi terkini semasa peperiksaan dijalankan serta mengelakkan penipuan berlaku semasa proses pentaksiran. Sebagai tambahan, sistem ini juga diharap dapat membantu memastikan kualiti soalan sentiasa mencapai piawaian yang ditetapkan.

4. Sistem pendidikan secara hibrid kadang kala mengelirukan dari aspek pelaksanaannya. Apakah solusi yang diambil oleh YBrs. Prof. dalam memastikan segala konsep pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di UniSZA sentiasa berada dalam suasana kondusif?

Sebenarnya pada semester ini kita melaksanakan PdP secara bersemuka sepenuhnya. Kita tidak megamalkan *hybrid* sebagaimana dalam transisi pandemik COVID-19. Konsep *hybrid* melibatkan PdP bersemuka dan dalam talian yang berlaku secara serentak. Misalnya, kalau kita mempunyai fasiliti yang cukup, kita laksanakan kelas secara bersemuka dan bagi pelajar yang tidak boleh datang ke kelas secara bersemuka, mereka boleh ikuti kelas di mana-mana sahaja secara dalam talian. Bukan itu sahaja, pelajar-pelajar dari luar negara juga boleh mengikuti kelas kita. Ini bermakna, pelaksanaan kedua-duanya berlaku secara serentak. Walau bagaimanapun, sehingga kini kita masih belum memiliki fasiliti yang cukup untuk pelaksanaan kuliah secara *hybrid*. Untuk makluman, sekarang ini kita sedang membangunkan blok inovasi untuk *global classroom* yang melibatkan beberapa buah negara. Tetapi, untuk PdP secara amnya, kita hanya melaksanakan salah satu sahaja sama ada secara dalam talian atau secara bersemuka sepenuhnya. Hal ini demikian kerana *Detail Course Information (DCI)* yang ada di UniSZA hanya untuk pelaksanaan salah satu sahaja sama ada secara dalam talian ataupun secara bersemuka. Buat masa sekarang, kita belum ada fakulti yang melaksanakannya secara kombinasi. Contohnya, dalam DCI telah dinyatakan dengan jelas topik 1-7 pelaksanaan kuliah secara dalam talian, dan topik 8-14 pelaksanaan kuliah secara bersemuka. Sebab itu saya katakan bahawa pelaksanaan secara *hybrid* memerlukan fasiliti yg cukup. Jadi, kita di UniSZA masih mengamalkan pelaksanaan kuliah secara bersemuka

sepenuhnya dan semasa pandemik covid-19 kita laksanakan secara dalam talian sepenuhnya. Konsep *hybrid* yang sebenar kita masih belum ada.

5. Seperti yang sedia maklum, reputasi akademik merupakan salah satu penyumbang terbesar dalam indikator QS Asia University Rankings. Boleh YBrs. Prof. kongsikan perancangan dan strategi yang dirangka bagi meningkatkan reputasi UniSZA?

Indeks Reputasi Akademik merupakan indikator yang mempunyai wajaran terbesar bagi penarafan QS University Rankings yang mempunyai wajaran sebanyak 40 peratus. Apa yang kita buat setakat ini ialah melipatgandakan promosi sehingga ke peringkat antarabangsa. Pada masa yang sama, kita juga membina jaringan sosial negara-negara yang belum ada kolaborasi dengan UniSZA. Contohnya, baru-baru ini Naib Canselor ke United Kingdom (UK). Kita juga menjalinkan kerjasama dengan universiti-universiti di Kanada dan dalam masa yang sama kita cuba tembusi negara-negara lain. Contohnya, baru-baru ini kita ke Amerika Syarikat, Jerman dan seterusnya kita kembangkan kolaborasi dengan negara-negara lain seperti New Zealand dan Australia. Kita juga perluaskan lagi kolaborasi dengan negara-negara lain seperti Indonesia dan juga China. Kerjasama kita dengan Negara-negara Timur Tengah juga kian meluas seperti Jordan, Afrika dan sebagainya. Selain itu, *International Centre (IC)* dan Pusat Pengurusan Siswazah (PPS) turut mengenal pasti negara-negara yang masih belum ada kolaborasi. Sekurang-kurangnya tiga negara atau tiga universiti baharu yang diperlukan untuk tahun ini. Disebabkan itu, kita juga mohon agar pensyarah yang memilih jaluran pengajaran untuk sama-sama menerbitkan artikel melibatkan staf akademik dari negara luar. Para pensyarah yang memilih jaluran pengajaran tidak digalakkan untuk melaksanakan sesuatu secara *in house* sahaja. Harapan saya agar UniSZA dapat menonjolkan reputasi ke peringkat global kerana, untuk tersenarai dalam QS, UniSZA perlu dikenali. Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inkubator Penyelidikan (CREIM) juga mereka sedang bekerja keras untuk menaikkan nama UniSZA ke arena antarabangsa.

6. Mobiliti antarabangsa merupakan salah satu aktiviti yang penting bagi membentuk pelajar UniSZA menjadi warga global. Walau bagaimanapun, dengan peraturan ketat seperti ‘kesetaraan’ dan ‘Graduate on Time’, bilangan pelajar yang menyertai mobiliti kekal rendah. Apakah perancangan YBrs. Prof. bagi meningkatkan peluang mobiliti kepada pelajar-pelajar UniSZA?

Kita sememangnya sangat menggalakkan pelajar untuk GOT. Cuma sekarang timbul isu berkait dengan mobiliti antarabangsa. Sebenarnya pelajar itu sendiri yang memohon penangguhan supaya sewaktu mereka berada di luar, mereka tidak terlibat dengan kita pada semester berkenaan kerana, sekiranya mereka ke luar negara, mereka tidak dapat melakukan pemindahan kredit secara keseluruhannya. Mereka hanya dapat lakukan pemindahan kredit untuk beberapa subjek sahaja. Contohnya, pada semester berkenaan, setiap pelajar sepatutnya mengambil 20 kredit, namun disebabkan tiada kesetaraan, mereka hanya dapat lakukan pemindahan sebanyak lima kredit sahaja. Walau bagaimanapun, untuk mengatasi masalah ini, kita cuba untuk melaksanakan lebih banyak kesetaraan dengan semua universiti yang ada. Cuma, setakat ini kita buat dengan Indonesia dan kesetaraan yang kita laksanakan tidak melibatkan semua program. Tetapi, kita membenarkan dan menggalakkan semua fakulti untuk membuat kesetaraan dengan lebih banyak universiti. Jadi, apabila ini memudahkan pelajar untuk membuat pemindahan kredit terhadap subjek yang diambil. Justeru, kesetaraan itu sangat penting. Contohnya, jika seseorang pelajar mengikuti program mobiliti di Australia. Semua subjek yang diambil di sana boleh dipindahkan di UniSZA. Sebanyak mana subjek dan jumlah kredit yang diambil mengikut kesetaraan. Kesediaan itu merupakan satu inisiatif yang perlu diambil oleh setiap fakulti. Selepas itu, barulah kita akan mengadakan mobiliti dengan universiti-universiti atau negara-negara berkenaan.

Contohnya sewaktu di FUHA dulu, satu semester pelajar berada di Indonesia dan mereka dapat lakukan pemindahan kredit bagi kursus-kursus Hubungan Antarabangsa. Walaupun berada di sana selama satu semester, tetapi tidak banyak kesannya. Subjek-subjek juga dapat disetarakan. Jadi, apabila mereka balik dari Indonesia, mereka dapat bergraduasi bersama rakan-rakan yang lain kerana mereka dapat membuat pemindahan kredit. Itu merupakan antara cara yang terbaik untuk kita laksanakan sekarang.

Kemudian, saya juga nampak kita perlu petakan ke dalam struktur program untuk program mobiliti pelajar. Maksudnya di sini, kita masukkan ke dalam struktur program untuk pelaksanaan mobiliti. Jadi, isu pelajar tidak dapat GOT memang tidak akan timbul. Sebab itu adalah perkara yang wajib dilaksanakan oleh para pelajar sebelum mereka menamatkan pengajian. Dari segi peruntukan kewangan, insya Allah tiada masalah. Untuk mobiliti antarabangsa, setakat ini IC yang menguruskan semuanya termasuk elaun kepada para pelajar mengikut negara yang dikunjungi. Elaun berkenaan mencukupi untuk tiket pergi balik dan juga penginapan. Walau bagaimanapun, kos makan minum ditanggung oleh para pelajar sendiri. Namun begitu, kebiasaannya universiti-universiti yang ada MOA dengan UniSZA akan menyediakan penginapan untuk palajar-pelajar kita sama ada secara percuma ataupun dengan tawaran harga yang lebih murah.

Kerja Sosial vs Kerja Amal?

Azlini Chik, PhD
Emel:azlinichik@unisza.edu.my

Kerja Sosial ditakrifkan sebagai satu bidang yang profesional (Goldberg et al. 2021; Payne 2020). Hal ini diiktiraf sebagai satu profesi atau kerjaya di kebanyakannya negara luar. Kerja Sosial juga merupakan satu bidang profesional yang menggunakan pengetahuan, teknik atau kemahiran hubungan kemanusiaan dan kemampuan dalam usaha memenuhi keperluan manusia (Murkatik et al. 2020; Maidment & Egan 2020). Selain itu, kerja sosial juga menyelesaikan masalah sosial dan kemanusiaan berlandaskan sains dan nilai dengan memenuhi kehendak serta aspirasi manusia.

Di negara luar, pekerja sosial begitu ditagih khidmatnya dalam membina ahli masyarakat sama ada perkhidmatan kepada individu, kumpulan serta komuniti bagi meningkatkan kesejahteraan atau kefungsian sosial klien. Pekerja sosial bekerja dengan manusia dan bukannya dengan peralatan teknologi seperti jurutera dan mekanik. Manusia mempunyai hati dan perasaan yang berubah-ubah setiap masa dan keadaan. Situasi ini lebih sukar berbanding bekerja dengan peralatan teknologi yang perlu dibaik pulih apabila mengalami sesuatu kerosakan. Terdapat tiga kaedah utama kerja sosial iaitu kerja kes, kerja kelompok dan kerja komuniti (Payne 2020; Ife et al. 2022). Apabila membicarakan isu kerja amal atau sukarelawan pula, ia merupakan kerja sukarela yang dijalankan sama ada bergerak secara individu atau berkumpulan (Tierney et al. 2022; Banks 2020). Kerja sukarela berbeza dengan kerja amal kerana kerja amal melibatkan satu hala sahaja iaitu pemberi akan memberi kepada penerima, manakala kerja sukarela pula melibatkan kedua-dua pihak yang akan bekerja iaitu pemberi dan penerima (Parsell & Clarke 2022; Laffan & Dolan 2020). Bukan semua manusia mempunyai jiwa dalam melakukan kerja sukarela kerana ia menuntut kepada pengorbanan seperti profesion kerja sosial. Namun, yang membezakan profesion kerja sosial dan sukarelawan adalah dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai atau etika di samping sukarelawan juga mempunyai elemen yang berbeza dengan profesion kerja sosial.

Pekerja sosial yang ingin menjawai profesion Kerja Sosial memerlukan sifat seperti yang ada dalam diri sukarelawan. Sukarelawan mengajar tentang banyak pengorbanan, dan ia mesti ada dalam diri seorang pekerja sosial. Pekerja sosial mungkin boleh belajar bidang kerja sosial sehingga ke tahap doktor falsafah tetapi belum tentu dapat menjawai bidang kerja sosial jika tiada sifat sepertimana diri seorang sukarelawan. Jika anda mengelarkan diri sebagai seorang pekerja sosial yang profesional, cuba renung-renungkan. Seorang sukarelawan akan cuba untuk memahami profesion kerja sosial dan menjawainya kerana mereka tahu bahawa kerja sosial dapat membantu sukarelawan dalam melaksanakan gerak kerja sukarela. Contohnya dari segi proses intervensi sepertimana yang dilakukan oleh pekerja sosial.

Sebagai pekerja sosial, cubalah untuk sering menyertai kerja sukarela dan belajar daripada para sukarelawan tentang kaedah melayan kerenah masyarakat yang menuntut pelbagai keperluan daripada mereka. Namun mereka tetap bersabar dan terus menerus melakukan kerja sukarela, kerana mereka memahami tentang bidang kerja sukarela, dan mereka perlu menjalankan kerja sukarela walaupun mungkin ada sesetengah para sukarelawan melakukan kerja kerana ada kepentingan tertentu. Persoalannya, tentang tahap kefahaman



masyarakat mengenai profesion kerja sosial ini. Disebabkan kurangnya pengetahuan dan pemahaman mengenai profesion kerja sosial, ia menyebabkan masyarakat beranggapan bahawa kerja sosial adalah sama dengan kerja amal atau kerja sukarela atau sukarelawan. Justeru, penghayatan tentang kerja sosial dan kerja amal perlu dilakukan menerusi pembacaan, penyelidikan dan kajian yang lebih mendalam mengenai perkara ini agar tidak berlaku salah faham tentang kerja sosial dengan kerja amal. walau pun kedua-duanya dilihat mempunyai makna yang sama, namun dari segi akademik ia adalah sesuatu yang berbeza.

Rujukan

- Banks, S. 2020. *Ethics and values in social work*. Bloomsbury Publishing.
- Goldberg, E. M., Mortimer, A., & Williams, B. T. 2021. *Helping the Aged: A Field Experiment in Social Work*. Routledge.
- Ife, J., Soldatić, K., & Briskman, L. 2022. *Human Rights and Social Work*. Cambridge University Press.
- Laffan, K. M., & Dolan, P. H. 2020. In defence of charity which benefits both giver and receiver. *Nature Human Behaviour* 4(7): 670-672.
- Murkatik, K., Harapan, E., & Wardiah, D. 2020. The influence of professional and pedagogic competence on teacher's performance. *Journal of Social Work and Science Education*, 1(1): 58-69.
- Maidment, J., & Egan, R. (Eds.). 2020. *Practice skills in social work and welfare: More than just common sense*. Routledge.
- Parsell, C., & Clarke, A. 2022. Charity and shame: towards reciprocity. *Social Problems*, 69(2): 436-452.
- Payne, M. 2020. *Modern social work theory*. Bloomsbury Publishing.
- Tierney, S., Mahtani, K. R., Wong, G., Todd, J., Roberts, N., Akinyemi, O., ... & Turk, A. (2022). The role of volunteering in supporting well-being—What might this mean for social prescribing? A best-fit framework synthesis of qualitative research. *Health & Social Care in the Community*, 30(2): e325-e346.

Buku Terbitan UniSZA Julang Anugerah Buku Negara 2022



Buku berjudul *Pembangunan Perisian Multimedia untuk Kanak-Kanak Pra Sekolah* terbitan Penerbit UniSZA telah berjaya merangkul Anugerah Buku Negara 2022 bagi Kategori Anugerah Pengajian Tinggi: Buku Perisian Multimedia Terbaik.

Hasil karya tiga orang penulis iaitu Nor Azah Abdul Aziz, Norasikin Fabil dan Zawawi Ismail ini diterbitkan pada tahun 2021 secara fizikal dan digital. Fokus utama buku ini ialah pembangunan perisian multimedia interaktif untuk kanak-kanak prasekolah. Perbincangannya meliputi cara mengenali kanak-kanak, memilih model atau teori pembelajaran dan membangunkan perisian multimedia interaktif yang bersesuaian dengan perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak.

Teori, model, contoh laman web dan perisian multimedia interaktif yang dibincangkan dalam buku ini dapat membantu memberi panduan kepada pembangun perisian untuk membangunkan perisian multimedia interaktif yang bersesuaian dengan kanak-kanak di Malaysia berdasarkan kurikulum prasekolah. Bahkan buku ini

secara istimewanya turut memfokuskan pembangunan dan pendekatan serta model berdasarkan islamik dan amat sesuai dalam melahirkan insan yang seimbang.

Trofi dan sjil kemenangan disampaikan kepada para pemenang dalam majlis yang diadakan pada 25 Ogos di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS), Universiti Putra Malaysia.

Anggota KOR-SUKSIS UniSZA Skuad 19 Ditauliahkan Sebagai Inspektor Sukarelawan Simpanan Polis Diraja Malaysia



Seramai 57 orang pelajar daripada anggota Kor-SUKSIS Skuad 19 menyertai Majlis Tamat Latihan dan Penyampaian Sijil Pentauhlians Inspektor Kor-SUKSIS Universiti Awam Zon Timur Tahun 2022 yang bertempat di Universiti Malaysia Pahang, pada 19-24 September lalu. Dalam majlis tersebut, anggota Kor-SUKSIS UniSZA Skuad 19 telah ditauliahkan sebagai Inspektor Sukarelawan Simpanan Polis Diraja Malaysia yang disempurnakan oleh Pengarah JPJKK Bukit Aman, YDH CP Dato' Aidi Ismail.

Majlis ini turut menyaksikan seramai tiga orang wakil anggota Kor-SUKSIS telah menerima anugerah dalam tiga kategori iaitu Anugerah Pelatih Keseluruhan Terbaik, Saudara

Azwandi Ujang; Anugerah Pelatih Terbaik Latihan Luar, Saudara Haidie Wan Hamid; dan Anugerah Pelatih Terbaik Akademik; Nur Izzah Zainal Abidin.

45 PEGAWAI KADET PALAPES UniSZA

*TERIMA WATIKAH
PENTAULIAHAN DIRAJA
PEGAWAI KADET PALAPES
UNIVERSITI AWAM
(UA) KE-40*

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan mengurniakan watikah tauliah kepada Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) pada Istiadat Pentaulahan Diraja Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam Ke-40 yang berlangsung di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 10 September.

Seramai 45 pegawai kadet PALAPES UniSZA yang terdiri daripada 21 orang pegawai kadet lelaki dan 24 orang pegawai kadet wanita merupakan antara 1,610 orang penerima yang dikurniakan watikah Pentaulahan Diraja Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam Ke-40 kali ini. Majlis dimulakan dengan Istiadat Perbarisan di Dataran Gemilang diikuti dengan Istiadat Pentaulahan Diraja Pegawai Kadet PALAPES di DECTAR, UKM.

Hadir sama ialah Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Husssein; Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Ikmal Hisham Abdul Aziz; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi Buang; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Muez Abd Aziz; Panglima Tentera Laut; Panglima Tentera Darat; Panglima Tentera Udara; Komandan-komandan PALAPES UA; dan Pegawai Kanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Turut hadir bagi pihak UniSZA ialah Naib Canselor merangkap Komandan PALAPES UniSZA, Prof. Dr. Fadzli Adam.



Institusi Maklumat Perlu Perkuuh Kolaborasi Bagi Memperkasa Perkongsian Sumber

Perkongsian maklumat sebenarnya bukan sesuatu yang baharu khususnya dalam persekitaran akademik, namun perlu terus dipraktiskan bagi memastikan kelangsungan dan kemurnian ilmu pengetahuan itu terus diperkasa.

Semua institusi maklumat perlu memainkan peranan aktif dan komited dalam melaksanakan tanggungjawab menyebarluaskan ilmu dan maklumat kepada masyarakat kerana usaha ini merupakan suatu aspek penting untuk memenuhi keperluan pengguna masa kini. Dalam pada itu, perpustakaan juga harus berfungsi sebagai Community Knowledge Hub untuk menghubungkan semua institusi maklumat serta pengguna.

Ini turut diakui oleh mantan Ketua Pustakawan, Universiti Malaya (UM), Dr. Nor Edzan Mohd Nasir yang menyarankan supaya semua perpustakaan melaksanakan usaha ini untuk mendapatkan bahan dan sumber. Menurut beliau, pelbagai medium boleh diadaptasi untuk meluaskan kaedah perkongsian maklumat atau ilmu yang sesuai dengan peredaran semasa. Misalnya, repositori institusi terbuka dan media sosial. Ternyata, pandemik COVID-19 btelah membuktikan bahawa peranan perpustakaan amat besar. Oleh itu, kolaborasi antara institusi awam dengan swasta perlu mantap supaya pengguna mendapat manfaat.

Pandangan beliau turut disokong oleh Ketua Transformasi Organisasi dan Minda, Bahagian Transformasi Universiti, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Madya Dr. Alwi Mohd Yunus yang turut menyarankan agar semua warga institusi maklumat bersikap berlapang dada serta bersedia dengan transformasi keperluan pengguna kini dan kepelbagaiannya pelbagai pihak dalam memartabatkan perkongsian maklumat. Menurut beliau lagi, dalam situasi sekarang, mindset penyedia kandungan perlu berubah dan tidak lagi boleh berada dalam keadaan silo, malah perlu mempunyai kolaborasi yang utuh dan mapan antara semua institusi maklumat. Keperluan manusia yang sentiasa berubah dan pelbagai akan dapat ditangani dengan lebih baik dengan adanya kerjasama serta hubungan yang padu antara semua institusi.

Pandangan ini telah dilontarkan dalam program ‘Perkongsian Ilmu: Perkongsian Sumber Dalam Kalangan Perpustakaan’ pada 22 Ogos yang berlangsung secara dalam talian melalui Facebook. Seramai lebih 600 orang penonton di seluruh Malaysia termasuk warga pendidik dan pelajar sekolah yang turut sama menyertai sesi ini.

Selain itu, kedua-dua panel jemputan ini turut menyeru agar institusi maklumat melibatkan warga penyelidik bagi menyumbang perkongsian maklumat supaya semua golongan mendapat manfaat kerana hasil kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini sangat penting dan boleh menjadi sumber rujukan utama untuk dikongsikan kepada masyarakat.

Program selama lebih dua jam ini turut menampilkan Pustakawan Kanan UniSZA, Puan Sofiah Khalid sebagai moderator. Program ini dijalankan oleh Perpustakaan Al-Wathiqa Billah (PWB) dalam usaha mempromosikan PWB kepada institusi luar dan menyemarakkan kepelbagaiannya aktiviti perpustakaan yang memberi manfaat kepada seluruh warga perpustakaan di Malaysia.



IT4U 2022: APLIKASI INTERAKTIF (ADOBE ANIMATE)

Pada tanggal 18 Jun, Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK), Persatuan Mahasiswa Fakulti Informatik dan Komputeran (PMFIK) dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Pusat Kerjaya, Teknousahawan, dan Jaringan Pintar (PaKaT) dan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) telah menganjurkan Program IT4U 2022: Aplikasi Interaktif (*Adobe Animate*). Program ini melibatkan pensyarah FIK yang pakar dalam bidang animasi iaitu Puan Maizan Mat Amin dan Encik Mat Atar Mat Amin untuk berkongsi ilmu animasi kepada pelajar sekolah menengah sekitar Besut.

Antara sekolah yang telah menghantar peserta ialah SMK Tengku Ibrahim, SMK Chalok, SM Sains Setiu, SMK Batu Rakit, SMK Penarek, SMK Kompleks Tembesu, SM Agama Setiu, SMK Sungai Tong, SMK Ibrahim Fikri, SMK Agama Wataniah, dan SMK Agama Nurul Iftifaq. Seramai empat orang fasilitator turut membantu memantau peserta. Antara ilmu yang disampaikan termasuklah pembuatan *scene*, menyunting *scene* menggunakan Adobe Animate mengikut kreativiti masing-masing. Hasil pembelajaran diakhiri dengan pertandingan membangunkan *scene* dengan memasukkan imej, animasi atau video. Majlis Perasmian Penutup IT4U 2022 telah berlangsung pada jam 4.00 petang oleh Pengarah PaKaT, Prof. Ts. Dr. Mokhairi Makhtar, dan diakhiri dengan sesi penyampaian cenderahati.

T4U 2022: INTERNET OF THINGS (MAKER UNO)

Persatuan Mahasiswa Fakulti Informatik dan Komputeran telah menjalankan Program IT4U 2022: *Internet of Things (Maker Uno)* yang telah berlangsung pada 17-18 Jun 2022 dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar (PaKaT), Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu dan ahli parliment Jerteh. Program ini melibatkan pensyarah, staf Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK), pelajar-pelajar sekolah menengah daerah Besut serta pelajar yang mendaftar dalam subjek CSF22703 *Internet of Things*.

Program ini diadakan di Fakulti Informatik dan Komputeran, UniSZA Kampus Besut.

Para pelajar Sarjana Muda Sains Komputer (Komputeran Internet) ditugaskan sebagai mentor kepada pelajar sekolah menengah yang terlibat. Para peserta ditugaskan untuk menghasilkan produk menggunakan set Arduino dan membentangkan projek mereka di hadapan tiga orang juri jemputan iaitu Dr. Nor Aida Mahiddin, Dr. Azrul Amri Jamal dan Cik Nur Afiqah Solehah Mazlan. Program ini telah dirasmikan oleh Pengarah Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar (PaKaT), Prof. Ts Dr. Mokhairi Makhtar. Turut hadir ialah Dekan FIK, Prof. Madya Dr. Ahmad Nazari Mohd Rose.



KAUNTER FARAIID UNISZA

RAIH SAMBUTAN MEMBERANGSANGKAN DARIPADA KOMUNITI SETEMPAT

Pejabat Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) UniSZA dengan kerjasama Pusat Islam UniSZA telah menjalankan satu lagi khidmat komuniti dengan membuka kaunter faraid pada 19 Ogos di Masjid UniSZA. Kaunter faraid dilaksanakan sebagai satu aktiviti khidmat masyarakat oleh FKI selaras dengan program ‘Hero Komuniti’ yang telah dilancarkan oleh UniSZA.

Pensyarah Pusat Pengajian Syariah FKI UniSZA iaitu Encik Mohd Ali Mohd Yusuf bertanggungjawab menguruskan kaunter faraid ini. Sambutan yang diterima amat memberangsangkan daripada masyarakat setempat yang ingin mendapat panduan mengenai kaedah pembahagian harta pusaka.

Realitinya pada masa ini, masyarakat Islam masih kurang pendedahan tentang ilmu faraid dan undang-undang pentadbiran harta pusaka. Ini menyebabkan harta pusaka si mati tidak dipindah milik kepada waris dan keadaan ini menjadi punca kebanyakan harta umat Islam terutama hartanah terbeku dan tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, pembukaan kaunter faraid ini sedikit sebanyak telah mampu merungkai persoalan masyarakat awam mengenai hukum hakam mengenai faraid, hibah, wasiat, dan undang-undang pentadbiran harta pusaka di Malaysia.

Selain menerima sokongan komuniti setempat, kaunter faraid juga mendapat pujian daripada ‘Team Du’ah Faraidh Malaysia’ di Facebook. Mereka memuji usaha FKI dan mencadangkan agar program ini akan diikuti oleh pihak-pihak lain seperti Jabatan Agama Islam Negeri dan sebagainya.



FF DIJEMPUT MENGADAKAN PAMERAN UBAT-UBATAN DI SK BETING LINTANG

Pada 26 Jun, Fakulti Farmasi (FF) telah dijemput oleh pihak pengurusan Sekolah Kebangsaan Beting Lintang, Besut (SKBL) untuk mengadakan pameran ubat-ubatan, peralatan penyediaan ubat dan beberapa kelengkapan saringan kesihatan seperti stetoskop, tensimeter digital dan termometer. Pameran ini dijalankan dengan bantuan sembilan orang pelajar FF dan diiringi oleh dua orang pensyarah.

Pameran ini diadakan sebagai aktiviti sampingan sempena Majlis Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di SKBL yang dihadiri oleh para pelajar, ibu bapa dan guru-guru. Sebanyak empat reruai pameran disediakan. Reruai utama mempamerkan beberapa kelengkapan saringan kesihatan. Tiga reruai lagi mempamerkan *syrup compounding* yang menyediakan demonstrasi teknik penyediaan ubat cecair; insulin dan suntikan yang mempamerkan ubat insulin dan teknik menggunakananya; serta *tablet and capsule* yang mempamerkan teknik penyediaan ubat kapsul.

Selain mendengar penerangan daripada mahasiswa/i Fakulti Farmasi yang bertugas, para pelajar turut berpeluang menggunakan beberapa peralatan pameran seperti stetoskop dan tensimeter digital. Dapat dilihat di gerai pameran penyediaan ubat-ubatan, para pelajar sangat tertarik dengan pertunjukan oleh mahasiswa fakulti farmasi yang bertugas sehingga ada yang menyatakan hasrat untuk turut menyambung pelajaran dalam bidang farmasi. Bagi golongan ibubapa pula, bahagian pameran utama lebih menjadi tumpuan kerana mereka berpeluang menguji tekanan darah menggunakan tensimeter digital yang dipamerkan.

Pameran ini berjaya memberi pendedahan dan pengalaman kepada mahasiswa FF berkaitan tugas sebagai pegawai farmasi di samping meningkatkan kemahiran sosial bersama komuniti awam. Selain itu, program ini sedikit sebanyak telah membuka mata komuniti bahawa kerjaya sebagai seorang ahli farmasi juga memberi sumbangan penting dalam bidang kesihatan.



PESERTA CILIK TERUJA SERTAI KEM TAHSIN SOLAT UniSZA

Kelab Altruistik UniSZA telah bekerjasama dengan Pusat Islam UniSZA dan Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (PTNC HEPA) menganjurkan Kem Tahsin Solat pada 3 dan 10 September di Masjid UniSZA. Penyertaan kem ini hanya dibuka kepada kanak-kanak berumur 6-12 tahun dan para peserta boleh memilih untuk menyertai kem ini pada salah satu tarikh sahaja. Selain itu, yuran yang dikenakan adalah sebanyak RM10 bagi setiap peserta.

Kem ini bertujuan memberikan bimbingan tentang cara solat yang sempurna berdasarkan rukun dan syarat-syarat solat serta bacaan dalam solat yang betul dan lancar. Selain dapat menanam sikap bertanggungjawab dalam melaksanakan solat fardu sebagai satu ibadat yang wajib dalam kehidupan harian seorang Muslim, ia sekali gus berupaya memberi penekanan mengenai adab dan akhlak dalam kehidupan seharian. Kem ini juga merupakan salah satu cara untuk membina mahasiswa yang cakna akan bacaan al-Fatihah dan cara sebutan yang betul di samping mewujudkan silaturahim dalam kalangan mahasiswa dengan masyarakat setempat. Kem Tahsin Solat melibatkan seramai 113 orang peserta pada 3 September dan 115 orang peserta pada 10 September. Aktiviti menarik indoor dan outdoor telah dirancang dengan sempurna untuk menarik minat serta fokus setiap peserta. Antara aktiviti indoor yang dijalankan sepanjang kem ini berlangsung ialah klinik al-Fatihah, amali solat, tahsin bacaan solat, uji minda dan tebuk bacaan dalam solat. Para peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk setiap aktiviti yang dijalankan dan dibimbing oleh fasilitator yang bertugas.

Semangat berkumpulan dalam kalangan peserta berjaya dipupuk melalui aktiviti outdoor iaitu explorace. Peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang terdiri daripada sepuluh orang peserta. Peserta akan dilepaskan secara serentak untuk mencari checkpoint di kawasan sekitar masjid. Semua kumpulan perlu menyelesaikan tugas di setiap checkpoint dan kumpulan yang berjaya menyelesaikan setiap tugas akan dinobatkan sebagai pemenang. Kem ini telah dikendalikan oleh 25 orang fasilitator yang terdiri daripada mahasiswa UniSZA. Kem Tahsin Solat berjalan dengan lancar dan berakhir pada jam 6.30 petang. Perasmian penutup dilakukan oleh Penasihat Kelab Altruistik, UniSZA, Encik Johari Johan dan diakhiri dengan pembahagian hadiah dan sijil bagi setiap peserta. Semua ibu bapa telah memberikan respon positif terhadap kem yang dianjurkan ini. Kem seperti ini wajar diteruskan pada masa akan datang supaya dapat memberi manfaat kepada masyarakat terutamanya generasi cilik yang akan menjadi pewaris agama, bangsa dan negara.



PaKaT Anjur Program Motivasi Kecemerlangan Murid

SK Darat Batu Rakit, SK Batu Rakit dan SK Bukit Gunpong dengan kerjasama Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar (PaKaT), telah menjayakan Program Motivasi Kecemerlangan Murid bertemakan ‘Anjakan Sahsiah Cemerlang Nekad Anak Budiman’ di Dewan Perdana UniSZA. Program yang diadakan pada 28 Ogos itu disertai oleh seramai 250 orang peserta yang diiringi ibu-bapa masing-masing.

Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh YB Parliment Kuala Nerus, Terengganu iaitu Dato’ Khairuddin Aman Razali, dengan diiringi oleh Pengarah PaKaT iaitu Prof. Madya TS. Dr. Mokhairi Makhtar serta guru besar yang mewakili ketiga-tiga buah sekolah yang terlibat. Program Motivasi Kecemerlangan Murid ini dilaksanakan sebagai persediaan awal murid tahun enam menghadapi Ujian Khas Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK) di samping memberikan motivasi untuk melangkah ke alam persekolah menengah dan sekolah berasrama penuh (SBP). Menerusi program ini, para pelajar dapat mengambil manfaat dan membuat persediaan awal untuk belajar menggunakan teknik dan cara yang berkesan.



FKI-DBP Jalin Kerjasama Bangunkan Projek Automasi Layanan Pintar dan Projek Kamus Usuluddin

Pada 26 Julai, satu perbincangan bagi membangunkan Projek Aplikasi Automasi Layanan Pintar dan Projek Penggubalan Kamus Usuluddin telah diadakan antara Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) UniSZA dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Projek ini merupakan satu titik permulaan kepada kerjasama yang utuh dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu melalui pengkayaan khazanah peristilahan dan perkamusian, terutamanya dalam bidang Usuluddin dan juga bahasa yang berdaya saing dalam Revolusi Industri 4.0 pada masa kini.

Perbincangan ini dihadiri oleh Dekan FKI, Prof. Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi; Pengarah Jabatan Pembinaan Bahasa dan Sastera DBP, Puan Fauzilahyatuun Mustafa; Ketua Bahagian Peristilahan dan Leksikologi DBP, Encik Mohd Fadzli Tajuid; dan pensyarah dari Pusat Pengajian Usuluddin, FKI yang merupakan Ketua Projek Automasi Layanan Pintar, Dr. Mohd Hasrul Shuhari; serta Ketua Projek Kamus Usuluddin, Dr. Muhammad Rashidi Wahab. Perbincangan ini turut dihadiri oleh beberapa ahli lain dari DBP dan UniSZA.

Projek Automasi Layanan Pintar merupakan usaha dalam membangunkan Telegram Bot dan Pengecaman Suara dalam kamus, manakala Projek Penggubalan Kamus Usuluddin merupakan usaha menghasilkan kamus yang dapat membantu memudahkan orang ramai mencari istilah tertentu yang berkait dengan ilmu Usuluddin. Terkini, pada 27 September, satu perbincangan tentang Spesifikasi dan Dokumen Perjanjian Kerjasama Projek Aplikasi Automasi Layanan Pintar antara FKI bersama DBP telah diadakan. Ia ke arah memeterai Memorandum Perjanjian Kerjasama (MoA) antara kedua-dua buah agensi dalam membentuk kerjasama erat yang bermanfaat untuk masyarakat. FKI dan DBP yakin bahawa projek ini dapat memberi manfaat besar kepada para pengguna, khususnya para pendidik dan pelajar kerana fakta dalam bidang ini dapat disampaikan dengan lebih mudah melalui penggunaan teknologi maklumat yang sangat interaktif.



Menteri Pengajian Tinggi Rasmi Kompleks Akademik dan Pentadbiran TRIBE dan AIP

Penanaman pokok di perkarangan Kompleks Akademik dan Kolej Kediaman di Kampus Besut oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad menjadi simbolik penyempurnaan Majlis Perasmian Kompleks Akademik dan Pentadbiran, Bangunan Perpustakaan Al-Wathiqu Billah, Taman Rimba Ilmu Tanah BRIS (TRIBE) dan Agropreneur Incubator Park (AIP). Bersempena dengan majlis perasmian yang diadakan pada 8 September, beliau menyerahkan sumbangan perantisiswa kepada 20 orang pelajar yang merupakan kelompok pertama penerima di Pantai Timur.

Pemberian perantisiswa ini merupakan usaha kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk menyediakan peranti berupa sebuah tablet kepada mahasiswa Institut Pengajian Tinggi yang berada dalam kelompok keluarga B40 bagi memudahkan proses pengajian pelajar. Dalam majlis yang sama juga, beliau turut menyampaikan sumbangan peralatan berupa teleung solat, al-Quran, bola sepak dan beg sekolah kepada lapan buah sekolah angkat UniSZA iaitu SMK Tembila, SM Permaisuri Nur Zahirah, SMA Maarif, SMK Renek, SK Tembila, SK Beting Lintang, SK Pengkalan Nyireh dan SK Pulau Perhentian. Beliau seterusnya menyampaikan sumbangan keperluan dapur kepada 30 orang komuniti setempat melibatkan tiga buah kampung iaitu Kampung Pengkalan Kubor, Kampung Pekan Sari Tembila dan Kampung Beting Lintang.



UniSZA Mengadakan Kunjung Hormat ke Pharmaniaga Berhad

Kunjungan hormat daripada pihak UniSZA ke Pharmaniaga Berhad telah diadakan pada 27 September di Pharmaniaga Berhad, Shah Alam. Delegasi UniSZA yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni iaitu Dato' Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hafiz Yusoff bersama Bendahari, Puan Shakimah Endut; Pengarah Pusat Komunikasi Korporat dan Pengurusan Perhubungan, Encik Muzafer Mohd Din; dan Pengarah Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar, Prof Ts. Dr Mokhairi Makthar.

Delegasi ini disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif Pharmaniaga Berhad, Datuk Zulkarnain Md Eusope. Kunjungan hormat tersebut bertujuan membincangkan program berkaitan CEO@Faculty dan penyerahan peserta program sangkutan di bawah CEO@Faculty iaitu Dr. Elissa Nadia Madi dari Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) dan Dr. Norhasliza Ghapa dari Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA). Program CEO@Faculty merupakan salah satu inisiatif yang dikendalikan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Program ini diwujudkan bagi meningkatkan penyertaan sektor industri dan awam dalam sistem Pendidikan Tinggi Negara melalui perkongsian pengalaman, ilmu pengetahuan dan kepakaran yang boleh dimanfaat secara bersama oleh pihak universiti serta industri.

Delegasi UniSZA turut dibawa melawat gudang Pharmaniaga untuk melihat proses pengurusan ubat-ubatan logistik. Kerjasama ini berupaya mewujudkan lebih banyak peluang penerokaan dalam bidang kepakaran yang disepakati bersama di samping memastikan perjalanan program CEO@Faculty mencapai matlamatnya. Turut hadir bagi pihak UniSZA ialah Dekan Fakulti Farmasi, Prof. Dr. Lua Pei Lin; Dekan Fakulti Sains Kesihatan, Prof. Dr. Sakinah Harith; dan Timbalan Pengarah (Klinikal) Hospital Pengajar UniSZA, Dr. Nik Ahmad Shaiffudin Nik Him.



PROGRAM TITIPAN GEMILANG PSSGJM UNISZA-KB 2022

Pertubuhan Seni Silat Gayong Jati Malaysia (PSSGJM) UniSZA Kampus Besut telah mengadakan Program Titipan Gemilang PSSGJM - UniSZA Kampus Besut 2022 di Auditorium, Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni. Program tersebut telah berlangsung pada 25 Jun dan disertai oleh ahli PSSGJM dan mahasiswa UniSZA. Program ini turut dimeriahkan dengan kehadiran peserta luar dari seluruh negeri Terengganu dan para gurulatih cawangan Dungun, Marang dan Kuala Nerus ke program tersebut.

Program ini dirasmikan oleh Penaung PSSGJM, Dato' Mahyu Zamizi A. Rahman. Selesai sahaja tayangan montaj, acara penyampaian bengkung kepada peserta yang telah lulus dalam ujian kenaikan bengkung pada Februari 2020 dan Disember 2019 diadakan. Program di bawah bimbingan Penasihat PSSGJM-UniSZA Kampus Besut iaitu Encik Mohd Suhaimi Abas ini telah mengumpulkan sebilangan besar ahli PSSGJM - UniSZA Kampus Besut. Kursus ini sedikit sebanyak telah melatih para peserta supaya lebih berdisiplin dalam semua keadaan. Selain itu, kursus ini juga telah menyuntik semangat peserta untuk meneruskan perjuangan dalam bidang persilatan.



pembentangan daripada empat orang pengucap utama yang pakar dalam bidang Sastera Melayu, Sastera Arab dan Sastera Inggeris. Profesor Dato' Seri Dr. Md. Salleh Yaapar dari Universiti Sains Malaysia membuka medan pembentangan sebagai pengucap utama pertama dengan memperihalkan kupasan yang bertajuk ‘Kesusasteraan Melayu di Abad ke-21: Mendepani Cabaran Globalisasi dan Revolusi Industri Masa Kini’. Sesi ucaptama pertama tersebut dipengerusikan oleh Dekan FBK, Prof. Madya Dr. Mohd Nazri Latiff Azmi. Seterusnya ucaptama kedua disampaikan oleh Prof. Dr. Nasr El Din Ibrahim Ahmed Hussein, dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dengan tajuknya ‘*Naqd al-Mazahib al-Adabiyyah al-Hadithah fi Daw’al-Islam*’ (Kritikan terhadap Teori Sastera Moden Menurut Islam). Bagi ucaptama kedua ini, Prof. Madya Dr. Elsayed Salem dipertanggungjawabkan mempengerusi sidang pembentangan tersebut. Kemudiannya pada hari kedua persidangan, ia turut dimeriahkan lagi dengan ucaptama ketiga yang disampaikan oleh Prof. Dr. Rosni Samah dari Universiti Sains Islam Malaysia dengan isu perbincangan berkaitan ‘Kepentingan Bahan Sastera dalam Pengajaran Bahasa Arab untuk Bukan Penutur Jati’. Ucaptama keempat pula disusuli oleh Dr. Norzizi Zulkifli, selebriti televisyen dan kini merupakan pensyarah kanan di Universiti Teknologi Mara dengan mengupas tajuk berkenaan ‘*Revival of the Past on the 21st Century Stage: Reviling Classics and Tradition*’. Sesi ucaptama ketiga dan keempat tersebut, masing-masing dipengerusikan oleh Timbalan Dekan Penyelidikan dan Pembangunan, FBK iaitu Dr. Norasyikin Osman dan Puan Zanirah Wahab.

ICMAEL 2022 mendapat sambutan yang sangat baik dengan kejayaan menerima sebanyak 165 abstrak kertas kerja dari pelbagai institusi dalam dan luar negara seperti Thailand, Indonesia, Nigeria, India, Pakistan, Mesir, dan Turki. Berdasarkan jumlah tersebut, ia secara jelas memberi gambaran yang mengagumkan menerusi penganjuran sulung ini. Hal ini secara langsung memperlihatkan nilai keilmuan kesusasteraan itu masih relevan dan mendapat sambutan baik dalam arus perkembangan pendidikan serta penyelidikan semasa.

Dengan penganjuran persidangan ICMAEL 2022 ini, diharapkan dapat menyediakan ruangan yang tepat dalam memperkasa keunggulan bidang kesusasteraan sama ada di peringkat tempatan maupun antarabangsa. Bahkan hasil penyelidikan ini dapat dimanfaatkan bagi menangani isu semasa, menjadi pemangkin perkembangan kesusasteraan di seluruh dunia, dan mempunyai harapan untuk menggalakkan perubahan serta penambahbaikan berterusan bukan sahaja dalam pengajaran dan pembelajaran malah dalam kehidupan secara keseluruhannya pada masa akan datang.

UniSZA-UNU SUMBAR

Meterai MoU

Universiti Nahdlatul Ulama (UNU) Sumatera Barat merupakan universiti yang diasaskan oleh Badan Eksekutif Nahdlatul Ulama (PB NU) dan terletak di Sumatera Barat, Indonesia. Pada 21 Julai, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) telah megambil tanggungjawab mewakili UniSZA untuk memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) bersama UNU SUMBAR dalam satu majlis yang diadakan secara dalam talian.

MoU tersebut telah ditandatangani oleh Naib Canselor, Prof. Dr. Fadzli Adam dan Pendaftar, Encik Ismail Musa sebagai wakil UniSZA dan Rektor, Prof. Dr. Yunia Wardi dan wakil Rektor, Encik Firdaus, S.S. bagi pihak UNU SUMBAR. Majlis tersebut turut disertai oleh Pengarah Pusat Komunikasi Korporat dan Pengurusan Perhubungan UniSZA, Encik Muzafer Mohd Din, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Pembangunan FKI, Prof. Madya Dr. Normadiah Daud dan Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Penjanaan Pendapatan, Pelaburan dan Jaringan Industri UniSZA, Prof. Madya Dr. Mohd Sadad Mahmud. Turut menyaksikan majlis tersebut ialah Dekan FKI, Prof. Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi serta ahli Pengurusan FKI.

Manfaat yang diharapkan akan diperoleh daripada MoU ini adalah perkongsian pengetahuan serta pengalaman bersama berkait kurikulum dan proses pengajaran antara universiti di Malaysia dan di Indonesia. Usaha ini diharap dapat memperkuuh hubungan kerjasama di samping mencapai hasrat antara kedua-dua universiti untuk melahirkan insan profesional dan holistik melalui pendidikan cemerlang serta penyelidikan berimpak tinggi dengan mengintegrasikan nilai-nilai Islam *rahmatan lil alamin*.



ICMAEL 2022, Mengekar Kegemilangan Kesusasteraan Global

Kesusasteraan merupakan produk masyarakat yang mempamerkan energi imaginatif dan luapan perasaan pengarang yang disampaikan secara lisan maupun tulisan dalam masyarakat, kerana ia merakamkan pelbagai pengalaman dan denyut kehidupan dalam komuniti yang menerimanya. Sebagai karya seni, sastera memiliki peranan penting kepada manusia kerana mikrokosmo yang wujud dalam masyarakatnya akan membentuk perkembangan terhadap nilai estetika dan etika dalam ketamadun sesuatu bangsa. Selain itu, melalui sastera ia berfungsi sebagai pendukung mengungkapkan sesuatu yang terkait dengan nilai kemanusiaan serta dinamikanya. Justeru, sastera mempunyai struktur yang koheren antara hubungan manusia dengan manusia, dengan alam dan perkembangan zamannya.



Sehubungan dengan itu, bagi mengekar kegemilangan kesusasteraan sama ada secara global dan global agar sentiasa menjadi malar segar, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), UniSZA dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Prince of Songkhla University (PSU), Thailand telah menganjurkan *International Conference on Malay, Arabic and English Literature* (ICMAEL 2022) pada 19-20 September. Berpaksikan tema '*Literatures in the 21st Century: Contemporary Issues and Challenges*', ICMAEL 2022 merupakan sebuah persidangan antarabangsa yang pertama kali dianjurkan oleh FBK dengan memberi pemfokusan perkembangan penyelidikan dalam tiga bidang kesusasteraan iaitu Sastera Melayu, Sastera Arab dan Sastera Inggeris menerusi pelbagai ekplorasi disiplin ilmu.

Penganjuran persidangan ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor (UniSZA), Prof. Dr. Fadzli Adam. Dalam ucapan perasmian tersebut, beliau menyatakan setinggi-tinggi tahniah atas penganjuran persidangan, seminar dan wacana intelektual di peringkat antarabangsa ini, yang berteraskan penelitian terhadap bidang kesusasteraan. Pada pandangan beliau, menerusi penganjuran tersebut ia mampu menghasilkan kajian berkualiti seterusnya merangsang naluri cintakan penyelidikan yang akhirnya membawa kepada peningkatan ilmu dalam diri dan sekali gus mendukung idea di sebalik moto UniSZA iaitu 'Ilmu Demi Faedah Insan'. Menurut beliau lagi, persidangan ICMAEL 2022, merupakan platform yang tepat dengan pelbagai idea, pemikiran serta inovasi cemerlang boleh dilaksanakan daripada penyelidik, profesional dan pelajar yang dapat disepakukan dalam mengangkat dan memartabatkan kesusasteraan dan bahasa.

Beberapa objektif disasarkan dalam penganjuran ICMAEL 2022 iaitu menyediakan peluang kepada para akademia dan penyelidik bidang kesusasteraan untuk berkongsi pengalaman menerusi hasil kajian terkini; meneliti isu dan cabaran semasa berkaitan bidang sastera khususnya Sastera Melayu, Sastera Arab dan Sastera Inggeris dalam konteks Malaysia dan antarabangsa serta; mencari alternatif yang signifikan dalam mendepani isu dan cabaran tersebut. Selain itu, menerusi penganjuran ini, ia memberi pendedahan kepada para peserta berkaitan idea baharu bagi meneroka bidang penyelidikan berkaitan kesusasteraan terutamanya melibatkan pendekatan atau kaedah terkini dalam proses pengajaran dan penyelidikan Sastera Melayu, Sastera Arab dan Sastera Inggeris di samping mengenal pasti elemen penting yang perlu diberi penekanan dalam usaha memperkasa pendidikan sastera di Malaysia dan antarabangsa.

Program yang dilaksanakan secara dalam talian ini menggariskan kepelbagaiannya tema kajian seperti sastera bandingan, sastera kanak-kanak, teori dan kritikan sastera, sastera dan pendigitalan serta beberapa adunan tema bersangkutan kesusasteraan dan kebahasaan yang menjadikan ICMAEL 2022 sebagai medan perkembangan ilmu sejagat. Persidangan ini mensasarkan beberapa hasil melibatkan penerbitan prosiding seminar secara dalam talian serta penerbitan buku bertema sastera. Seterusnya persidangan ini juga melibatkan para pelajar siswazah serta ahli akademik bagi menggalakkan pertumbuhan wacana kritis melalui perbincangan akademik serta mewujudkan hubungan kesepakaran bidang untuk berkolaborasi dalam penyelidikan dan penerbitan sastera. Dalam pada itu, penganjuran ICMAEL 2022 ini disemarakkan lagi dengan

UniSZA Undergraduates Participate in Hiroshima University UN Programme

As one of many enrichment experiences and internationalisation networking efforts of UniSZA, two students of the Faculty of Bioresources & Food Industry (FBIM), Yasmin Omar (Bachelor of Aquatic Science) and Mohd Ishaq Mukhriz (Bachelor of Agricultural Biotechnology) were accompanied by senior lecturer Dr Norshida Ismail to participate in the ‘International Summer School for the UN’s Sustainable Development Goals 2022’. The programme was held from 11 to 17th September in Hiroshima University, Japan.



Participants had the opportunity to engage in a wide range of interesting activities in Japan, including the knowledge exchange by professors and researchers from Hiroshima University, trips to laboratories and facilities, as well as distinctive group activities.

Participants from UniSZA had the chance to conduct research and carry out plankton sampling using the Hiroshima University research vessel at the Takehara Marine Study Station. Participants were also introduced to Japanese traditional culture by the donning of Yukata, traditional summer clothing, and through experiencing the ‘Noh’ drama and theater. On the third day, all participants attended a symposium that discussed sustainability issues and challenges in achieving the Sustainable Development Goals (SDGs) with presentations from the accompanying lecturers of each participating university as well as representatives from Hiroshima University.

Participants were brought to the renowned ‘Hiroshima Peace Memorial Park and Museum’ on the final day of the programme. In addition, there was a stopover on Miyajima Island, Hiroshima’s premier tourist destination. Along with expanding their horizons and experiencing new things in Japan, participants got the opportunity to interact with those from two other universities from Indonesia, Air Langga University and Gadjah Mada University.



Participants were brought to the renowned ‘Hiroshima Peace Memorial Park and Museum’ on the final day of the programme. In addition, there was a stopover on Miyajima Island, Hiroshima’s premier tourist destination. Along with expanding their horizons and experiencing new things in Japan, participants got the opportunity to interact with those from two other universities from Indonesia, Air Langga University and Gadjah Mada University.

The FBIM delegation would like to express their appreciation to the Graduate School of Integrated Sciences for Life, School of Applied Biological Science, Hiroshima University for the invitation to join the programme. The participants of this programme received sponsorship from the ‘2022 International Youth Science Exchange Program (Sakura Science Program) of the Japan Science and Technology Agency’, pocket money from the UniSZA International Center’s ‘Life’s a Journey Study Abroad & Exchange’ Fund with support from the Office of the

Deputy Vice-Chancellor of Academic and Internationalisation, the Office of the Deputy Vice-Chancellor of Student Affairs, the Centre for Corporate Communications and Relationship Management of UniSZA as well as the management of FBIM.

TIGA PENYELIDIK JEPUN

MENGADAKAN LAWATAN PENYELIDIKAN KE FBIM



Pada 29 Ogos sehingga 1 September, FBIM telah menerima lawatan daripada penyelidik darinegara matahari terbit. Delegasi penyelidik dari Jepun ini terdiri daripada pakar pelbagai bidang sains dan teknologi akuatik iaitu Prof. Madya Dr. Makoto Hirayama dari Hiroshima University, Prof. Madya Dr Kamio Michiya dari Tokyo University of Marine Technology dan Penolong Profesor, Dr Satoshi Tasumi dari Kagoshima University.

Lawatan penyelidikan ini adalah bagi menjayakan kerjasama penyelidikan yang telah bermula sejak tahun 2020 setelah FBIM menandatangani memorandum perjanjian (MoA) bersama Hiroshima University. Rentetan dari MoA tersebut, satu usaha sama untuk memohon geran penyelidikan telah dilakukan dan kumpulan penyelidik ini telah menerima geran kolaborasi Bilateral Research Program dari Japanese Society for the Promotion of Science (JSPS). Geran tersebut diketuai oleh Prof. Dr. Susumu Ohtsuka bagi penyelidik Jepun dan Prof. Dr. Hafizan Juahir bagi kumpulan penyelidik Malaysia. Sebagai sokongan, UniSZA turut menyediakan geran padanan di bawah Special Research Grant for International Collaboration (SRGS-IC). Geran ini telah

dianugerahkan kepada kumpulan penyelidik FBIM yang terdiri daripada Prof. Dr. Hafizan Juahir, Prof. Madya Dr. Khamsah Suryati Mohamed, Prof. Madya Dr. Connie Fay Komilus, Dr. Norshida Ismail dan Dr. Ahmad Syazni Kamarudin.

Sebelum memulakan aktiviti penyelidikan di Kampus Besut, kumpulan penyelidik terlebih dahulu diraikan dengan pertemuan bersama Naib Canselor Unisza, Prof. Dr. Fadzli Adam dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Ts. Dr. Shukor Abdul Razak di Bilik Mesyuarat Utama bangunan Canselori, Gong Badak. Antara agenda yang dibincangkan dalam pertemuan ini adalah berkenaan lanjutan kolaborasi pada masa hadapan. Penyelidikan berkenaan jangkitan penyakit ikan dan organisma akuakultur telah dijalankan di Makmal Akuatik, FBIM selama tiga hari. Selain dari menjalankan kajian, delegasi Jepun juga dibawa melawat kemudahan makmal dan ladang di FBIM. Penyelidik telah berpeluang merasai sendiri pengalaman mengutip dan menikmati kepelbagaiannya rasa madu kelulut. Satu taklimat berkenaan kajian madu kelulut turut diberikan oleh Dekan FBIM.

Selain itu, pada hari kedua, penyelidik telah mengadakan sesi interaksi dan pembentangan kajian dan kepakaran bersama ahli akademik FBIM dan Fakulti Farmasi. Sesi tersebut turut dihadiri oleh wakil dari Pusat Penyelidikan Perikanan Tanjung Demong. Pihak fakulti percaya bahawa lawatan ini akan membuka peluang yang lebih besar bagi pengukuhan kerjasama antara FBIM dan UniSZA bersama universiti dan penyelidik dari Jepun.

PROGRAM KIBAR JALUR GEMILANG

DI BUKIT MARAS MEMUPUK UKHWAH STAF PPIR

Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian (PPIR) mengadakan Program Kibar Jalur Gemilang bersempena sambutan ambang kemerdekaan kali ke – 65. Antara objektif utama program ini adalah untuk menanam rasa bangga dan menghormati Jalur Gemilang dalam kalangan warga PPIR sebagai lambang kedaulatan negara. Selain itu, program ini juga dapat menyemai rasa syukur, berterima kasih dan menghargai kebebasan serta kemerdekaan negara. Seterusnya, rasa kecintaan dan semangat kerja berpasukan dapat diterapkan di samping mengeratkan perpaduan dalam semua peringkat pengurusan mahupun sokongan dalam kalangan staf PPIR. Kerjasama dan toleransi antara staf juga dapat dipupuk dengan lebih mendalam lagi. Memandangkan program ini dikendalikan oleh kakitangan PPIR sendiri, setiap ukhuwah yang terbina akan lebih erat terjalin dan semangat patriotisme akan dapat disemai dengan lebih tuntas dalam kalangan warga PPIR.



Program ini disempurnakan oleh Timbalan Pengarah (Perkhidmatan dan Infrastruktur) PPIR, Encik Adib Rahimi Adam pada 30 Ogos lalu. Program ini diadakan di puncak Bukit Maras, Kuala Nerus, Terengganu yang disertai seramai 54 orang peserta terdiri daripada staf pengurusan dan juga staf sokongan PPIR. Misi pendakian ini diketuai oleh Pegawai Teknologi Maklumat, Encik Mohd Lokman bin Hamid dan dirungi oleh tiga orang kru keselamatan dan kesihatan dari Pusat Kesihatan. Rombongan pendakian tiba di dataran puncak Bukit Maras pada jam 10.30 pagi. Kegembiraan jelas terpancar di wajah para peserta program meskipun badan dibasahi keringat. Bendera Jalur Gemilang berjaya dikibarkan bersama-sama sebagai mercu tanda kejayaan keluarga besar PPIR menakluki puncak Bukit Maras. Kejayaan penganjuran program ini telah memberikan satu motivasi dan semangat kekitaan kepada keluarga besar PPIR. Di samping itu, ia merupakan salah satu langkah dalam usaha untuk memastikan perpaduan dan silaturahim antara staf pengurusan dan staf sokongan PPIR sentiasa erat.

RUNNERS UniSZA

UNGGULI PODIUM BUKIT PAYONG EXTREME TRAIL RUN 2022

Meskipun rata-ratanya belum pernah menyertai sebarang kejohanan larian denai, kesemua sepuluh pelari UniSZA bukan sahaja berjaya menyempurnakan larian bahkan juga mengungguli podium Bukit Payong Extreme Trail Run 2022 yang bertempat di Batu Pahat, Johor, 17 September baru-baru ini. Saudari Dahreshini a/p Parameswaran, pelajar Fakulti Perubatan merangkul gelaran juara bagi Kategori enam km Terbuka Wanita, manakala rakan seperjuangan, Saudari Wan Nur Ruhana Zafirah dari Fakulti Sains Sosial dan Gunaan di tempat ketiga.

Bagi Kategori Lelaki, Saudara Khairull Amin Mohamad Yunus dari Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT) dinobatkan sebagai naib juara, sementara Saudara Danish Haikal Zulkhanine dari Fakulti Pengurusan dan Perakaunan di tempat kelima. Bagi Kategori *Extreme*, Saudara Syed Mohamad Ahmad Syed (FRIT) berjaya menamatkan larian denai penuh liku berelevasi setinggi 800m di tempat kelapan. Cabaran kali ini juga turut menyaksikan penampilan atlet jarak jauh kebangsaan, Saudara Muhaizar Mohamad yang menamatkan larian berjarak 20 km ini dengan catatan masa 1 jam 41 minit 44 saat sekali gus merangkul gelaran Raja Bukit dan Raja Pecut bagi kejohanan tersebut.



BESUT NEON RUN

Program Besut Neon Run telah berlangsung pada 23 Jun di UniSZA Kampus Besut. Program ini dianjurkan oleh Exco Sukan dan Rekreasi, Persatuan Mahasiswa Fakulti Informatik dan Komputeran (PMFIK) dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni. Objektif utama program ini adalah untuk memberi motivasi kepada mahasiswa untuk menyertai program sukan selain menimbulkan kesedaran dari aspek pentingnya sukan bagi sebuah kejayaan. Di samping itu, program ini juga dapat menjadikan mahasiswa lebih cerdas dan juga dapat membantu mereka untuk menjadi lebih fokus dalam akademik.



Program ini bermula pada jam 8 malam dan dimulai dengan sesi senamrobik sebagai pemanas badan untuk para mahasiswa sebelum memulakan larian bagi mengelakkan berlakunya kekejangan otot semasa berlari. Larian telah bermula di hadapan Dewan Sukan dan Rekreasi yang dirasmikan oleh Pembantu Penasihat PMFIK iaitu Encik Wan Marissa Wan Mohd Nor dan diakhiri dengan sesi pemberian hadiah untuk para pemenang dan pemenang cabutan bertuah.

Bola Sepak Piala Menteri 2022: 'Ubi Muda' UniSZA Raih Tempat Ketiga

Pasukan bola sepak UniSZA berjaya menduduki tempat ketiga dalam pertandingan Piala Menteri Pengajian Tinggi 2022 yang berlangsung pada 6 Jun-6 Julai. Kejayaan ini mengejutkan banyak pasukan lain memandangkan UniSZA bukan pasukan pilihan untuk melangkah jauh dalam pertandingan ini.

Walaupun agak sukar untuk menujuhkan satu pasukan yang ampuh ekoran pandemik COVID-19 dan tidak ada pertandingan yang dilangsungkan selama dua tahun, namun dedikasi barisan kejurulatihan dan pemain muda yang telah dipilih berjaya membawa hasil. Usaha keras mereka ini disokong oleh pihak pengurusan universiti. Pasukan UniSZA berjaya melepas peringkat kumpulan selaku johan kumpulan apabila seri 0-0 bertemu dengan UiTM Perlis dan menang 3-1 menentang pasukan UniMAP sebelum diundi bertemu pasukan UPM di peringkat suku akhir. Dalam perlawanannya, UniSZA berjaya menewaskan UPM dengan sepakan penalti apabila kedua-dua pasukan seri 1-1 pada minit ke-120 permainan.

Nasib tidak menyebelahi UniSZA di peringkat separuh akhir untuk mengulangi kejayaan tahun 2016 apabila tewas kepada pasukan UPNM dengan jaringan 3-1. Kekalahan ini memaksa UniSZA bertemu dengan salah satu pasukan pilihan kejohanan iaitu UiTM Shah Alam dalam perlawanannya penentuan tempat ke-3 dan ke-4. Pada pertemuan ini, UniSZA yang ketinggalan 0-2 pada satu masa, berjaya menyamakan kedudukan melalui Ariff Daniel Zawawi dan Alif Irfan sekaligus mengheret perlawanannya ke penentuan sepakan penalti yang membawa tuah kepada UniSZA apabila menang dengan 4-2.



MYAGROSIS VIRTUAL RUN 2022

Program *MyAgrosis Virtual Run* telah dianjurkan oleh kelab MyAgrosis UniSZA bersempena dengan sambutan hari kemerdekaan. Program ini berlangsung selama dua minggu bermula 31 Ogos-16 September secara dalam talian menggunakan platform larian seperti Strava, Adidas Run dan Nike Run. Sebanyak 25 peserta dari pelbagai institusi pengajian tinggi awam dan swasta telah menyertai program ini.

Seramai tiga orang pemenang telah dipilih berdasarkan tempoh larian yang paling singkat. Tempat pertama dimenangi oleh Saudara Jeevaneswaran a/l Muthukumar apabila mencatat masa 22.33 minit dengan larian sejauh 5km. Tempat kedua pula disandang oleh Saudara Ahmad Ghadhimi Musa dengan catatan masa 23.46 minit (5km), manakala pemenang ketiga ialah Saudari Nor Adilah Musa dengan catatan masa 17.39 minit (4 km).



ANJURAN KELAB MYAGROSIS UNISZA



31 Ogos hingga 16 September 2022
Melalui Aplikasi Nike Run / Adidas Run
Mengikut Terma dan Syarat

NATURE QUEST: TRAIN TO DABONG

Nature Quest: Train to Dabong merupakan program yang dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (PMFBIM) dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Mekar Greentech Solution (MGS), Tembila Agrotech Resourch dan Persatuan Alumni FBIM yang berlangsung pada 23 Jun - 25 Jun bertempat di daerah Dabong, Kelantan. Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada para peserta tentang kepentingan menjaga alam sekitar di samping berpeluang mengaplikasikan ilmu yang dipelajari secara teori di dalam bilik kuliah. Seramai 49 orang peserta yang terdiri daripada 46 orang pelajar FBIM dan tiga staf UniSZA terlibat dalam acara ini.

Antara aktiviti utama yang dilaksanakan termasuklah pendakian ke puncak Gunung Stong diiringi oleh pemandu arah seramai empat orang dan disertai dengan beberapa tugas khusus kepada para peserta seperti pemerhatian terhadap spesis entomologi, ekosistem *biotic* dan *abiotic* serta hidromorfologi sungai yang dapat dilihat di sepanjang trek pendakian. Para peserta juga berpeluang mengkaji flora dan fauna yang tumbuh sepanjang aktiviti pendakian berlangsung. Selain itu, para peserta juga melaksanakan aktiviti *water tubing* menyusuri sungai sepanjang dua kilometer.

Aktiviti ini dapat memupuk semangat berpasukan para peserta untuk memastikan pelampung yang digunakan tidak melanggar batu-batan yang ada di dalam sungai.

Selain itu, aktiviti gotong-royong di sekitar Madrasah Tarbiah Al Aulad, Sungai Kenerong Kelantan turut dilaksanakan pada akhir program. Melalui aktiviti ini juga, hubungan silaturahim antara pelajar dengan komuniti dapat dieratkan. Sebelum meninggalkan kawasan perkampungan, sedikit sumbangan diserahkan kepada wakil madrasah oleh Timbalan Dekan HEPA FBIM, Dr. Saiful Iskandar Khalit.



KEJUARAAN BERGANDA

Sinari Kegemilangan Pasukan Bola Tampar Staf UniSZA

Penantian untuk merangkul kilauan emas pasukan bola tampar staf UniSZA berakhir apabila berjaya menumbangkan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada perlawanan akhir di Kejohanan Sukan Kakitangan Universiti (SUKUM) 2022 yang diadakan di Universiti Putra Malaysia. Lebih ‘manis’ apabila pasukan ini tidak mencicirkan sebarang set kepada pihak lawan sepanjang kejohanan yang berlangsung bermula 17-24 September.

Pada peringkat kumpulan, UniSZA diundi bersama dengan juara bertahan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Dalam perlawanan pertama, UniSZA berjaya menewaskan UTM 2-0 (25-14, 25-22). Rentak kemenangan diteruskan dalam perlawanan kedua peringkat kumpulan ketika bertemu USIM, pasukan yang diwar-warkan akan mengekalkan kejuaraan mereka. Perlawanan ini menyaksikan USIM terkial-kial mencari rentak permainan apabila pemain utama mereka dikunci dan perancangan taktikal yang baik oleh UniSZA memberikan kemenangan set pertama 25-21. Set kedua menyaksikan USIM tiada jawapan dengan permainan pantas yang diatur pemain UniSZA dan dominasi UniSZA disudahi dengan kemenangan 25-17. UniSZA melangkah ke peringkat suku akhir selaku juara kumpulan dan diundi bertemu dengan Kementerian Pengajian Tinggi. Tidak menjadi masalah kepada UniSZA apabila mudah meraih kemenangan 25-17, 25-9. Pertemuan menentang Universiti Teknologi Mara di separuh akhir menyaksikan penguasaan penuh UniSZA apabila mencatat kemenangan 25-13, 25-18 dan 25-17.

Dalam perlawanan akhir yang turut disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Dato’ Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hafiz Yusoff; Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi, Encik Riduan Mohamed Arof; UniSZA membenam cabaran UMT juga dengan straight set 25-7, 25-13 dan 25-19. Kemenangan ini menamatkan kemarau emas dalam acara bola tampar selepas dua kali berpuas hati pulang dengan pingat perak. Pasukan bola tampar UniSZA seterusnya meneruskan rentak gemilang mereka apabila muncul johan pada Kejohanan Majlis Sukan Kakitangan Awam (MAKSAK) peringkat negeri Terengganu. Dalam perlawanan akhir yang diadakan di Kemaman pada 29-30 September menyaksikan UniSZA menewaskan pasukan tuan rumah, Majlis Perbandaran Kemaman dengan kemenangan 2-1 (21-25, 27-25, 15-5) pada perlawanan akhir.



Lima Emas, Tiga Perak Warnai Kem Olahraga SUKUM UniSZA

Lima pingat emas dan tiga perak mewarnai kem olahraga staf UniSZA dalam Kejohanan Sukan Kakitangan Universiti (SUKUM) 2022 yang diadakan di Universiti Putra Malaysia. Kilauan emas pertama UniSZA diperoleh melalui acara lontar peluru sumbangan Saudara Adi Aliffudin Hussin diikuti Saudara Muhammad Hafiz A. Bakar yang berjaya membutirkan dua emas melalui acara lompat jauh dan lompat kijang.

Dua lagi emas disumbangkan oleh pelari wanita tegar, Saudari Hanisah Abdullah yang bertanding dalam acara 800 meter dan meneruskan rentak larian cemerlang dalam acara 1500 meter. Pingat perak telah disumbangkan oleh Saudari Nik Shuhaiyah Juwiah Jusoh (lompat jauh), Saudara Adi Aliffudin (lempar cakera) dan Saudari Hanisah (400 meter).



UniSZA

JUARA KESELURUHAN KATEGORI
BERPASANGAN LELAKI INTER VARSITI
*PAHANG OCEAN PADDLE
INTERNATIONAL CHALLENGE
(POPIC) 2022*



Pasukan Kayak UniSZA dinobatkan juara keseluruhan bagi Kategori Berpasangan Lelaki Inter Varsiti, *Pahang Ocean Paddle International Challenge (POPIC) 2022* setelah beraksi dengan cemerlang menongkah arus dan ombak pesisir laut Pahang pada 7-11 September.

Cabaran berkayak di lautan lepas yang merangkumi lima peringkat bermula di Pantai Hiburan, Rompin (peringkat pertama) diikuti Pantai Lagenda, Pekan (peringkat kedua), Pantai Balok, Kuantan (peringkat ketiga), Pantai Cherating, Kuantan (peringkat keempat) dan yang terakhir di Pantai Teluk Chempedak, Kuantan. Kelima-lima peringkat ini telah diharungi dengan jayanya oleh Saudara Hidzham dan Saudara Azman, sekali gus menempatkan mereka di podium tertinggi di kesemua peringkat cabaran, manakala satu lagi pasangan iaitu Saudara Izzat dan Saudara Hafizi di tempat ketiga bagi kategori tersebut. Kejohanan yang julung kali dianjurkan ini menawarkan ganjaran wang tunai keseluruhan berjumlah RM300,000 dengan tujuh kategori dipertandingkan iaitu Antarabangsa Lelaki dan Wanita, Kebangsaan (lelaki); Kebangsaan Tandem (lelaki dan wanita) serta Inter Varsiti (lelaki dan wanita).

PUSPA UniSZA ANJUR PROGRAM ZUMBA

Zumba merupakan kombinasi elemen tarian dan aerobik yang pada mulanya diasaskan oleh seorang *choreography* pada tahun 90-an sebagai program kecergasan di Colombia dan sejak itu Zumba menjadi semakin popular. Zumba merupakan *Dance Workout* yang memberi kecergasan dan kesihatan di samping mengikut gabungan rentak *Salsa*, *Mambo*, *Hip Hop* dan *Latin*. Satu sesi Zumba dalam anggaran masa 45 minit hingga 60 minit boleh membakar sehingga 500 hingga 1000 kalori. Ia amat sesuai diamalkan untuk *interval training* bagi membakar lebih banyak kalori serta meningkatkan ketahanan fizikal.



Sehubungan itu, pada 17 September bertempat di Dewan Gmilang, Pusat Asasi Sains dan Perubatan (PUSPA) menganjurkan program Zumba 2022 untuk memeriahkan sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia. Program ini disertai seramai 187 orang peserta yang terdiri daripada pelajar, staf dan masyarakat setempat. Objektif pengajian program ini adalah untuk mengisi sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia dengan aktiviti fizikal yang sihat dan cergas. Pengajian program ini dilihat sebagai satu medium yang baik dalam memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai amalan aktiviti kecergasan fizikal dengan cara yang betul serta mempraktikkan gaya hidup sihat dan cergas. Tambahan pula, *intensity* tinggi dan rendah yang diselang seli dalam senaman zumba ini merupakan satu latihan kecergasan yang lengkap dan latihan kardiovaskular yang baik.

Program ini diakhiri dengan sesi cabutan bertuah yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah (Akademik & Hal Ehwal Pelajar), ChM. Dr. Salmiah Jamal Mat Rosid.

Semarak Kemerdekaan Ke-65: Walk & Smile to Bukit Bubus

Berbekalkan semangat hari kemerdekaan yang hampir tiba, Unit Sukan dan Rekreasi UniSZA Kampus Besut (UKB) telah menganjurkan program ‘Walk & Smile’ melibatkan 120 orang pelajar baharu FIK dan juga staf di UniSZA Kampus Besut bertemakan ‘Kami Anak Malaysia Berjiwa Merdeka’ pada 18 Ogos.

Program ini melibatkan aktiviti berjalan kaki dan mendaki Bukit Bubus dengan jarak lebih kurang lima kilometer. Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk mewujudkan persaingan yang sihat selain mengibarkan jalur gemilang. Ia secara tidak langsung dapat melahirkan pelajar IPT yang sihat dan cergas dengan menjadikan sukan sebagai budaya selaras dengan Dasar Pembangunan Sukan IPT (DSIPT).

Program yang bermula seawal jam 8.00 pagi ini dimulai dengan sesi regangan dan senaman atas seterusnya disusuli dengan taklimat ringkas oleh pihak urus setia. Majlis pelepasan disempurnakan oleh Ketua Bahagian Perkhidmatan Pengurusan, Pejabat Pengarah Kampus Besut, Encik Mohd Ali Hashim, mewakili Pengarah Kampus Besut. Para peserta berjalan menuju ke Bukit Bubus sambil mengibarkan bendera Malaysia dan menikmati keindahan alam semula jadi sekitar Kampus Besut. Pendakian ke Bukit Bubus diiringi oleh Unit Kenderaan Bermotor pasukan keselamatan UniSZA bagi memastikan keselamatan peserta adalah terjamin.

Para peserta tiba di Puncak Bukit Bubus lebih kurang jam 10.00 pagi seterusnya menikmati jamuan yang disediakan sambil menikmati keindahan panorama di atas Bukit Bubus. Pelajar seterusnya diberikan taklimat berkaitan Kampus Besut dan diakhiri dengan laungan Merdeka dan nyanyian lagu UniSZA serta lagu-lagu kemerdekaan sebagai simbolik sambutan Bulan Kemerdekaan Malaysia yang Ke-65.




Tiga Atlet dan Empat Staf UniSZA Bawa Cabaran Malaysia di AUG 2022, Ubon Ratchathani, Thailand.

Menjadi kebanggaan UniSZA apabila tiga pelajar dan empat staf telah dipilih mewakili negara dalam Kejohanan Sukan Universiti Asean (AUG) ke-20. Kejohanan yang berlangsung pada 26 Julai-6 Ogos 2022 itu diadakan di Ubon Ratchathani, Thailand.

Tiga pelajar yang terpilih ialah atlet sukan memanah iaitu bekas juara Asia 2019, Saudari Iman Aisyah Norazam dari Fakulti Sains Kesihatan (FSK), Saudari Nur Aina Yasmine Halim dari Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) dan Saudara Amirul Amin Abd Rahim dari Fakulti Reka Bentuk, Inovatif dan Teknologi (FRIT).

Staf yang terlibat dalam kejohanan ini pula ialah Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi UniSZA, Encik Riduan Mohamed Arof yang diamanahkan sebagai Pengurus Jawatankuasa Persediaan Atlet Kontinjen Malaysia. Beliau dibantu oleh seorang lagi kakitangan UniSZA, Encik Mat Tarmimi Mustaffa sebagai Sekretariat. Selain itu, Encik Suhardi Abdullah turut dilantik sebagai Pengurus Pasukan Memanah Malaysia dan dibantu oleh Encik Adnan Ahmad yang bertindak selaku Ketua Jurulatih Pasukan Memanah Malaysia. Seorang lagi staf UniSZA, Encik Mohd Norhisham Hassan juga turut serta dalam kejohanan ini apabila dilantik sebagai Penolong Jurulatih pasukan bola sepak. Lebih membanggakan apabila kontinjen negara kali ini berjaya melepasi sasaran pingat yang ditetapkan dengan membawa pulang 49 emas, 82 perak, 42 gangsa.





COVID-19: ISU DAN CABARAN KETIKA FASA 1 PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Penulis : Fauzilah Salleh, Nor Mazlina Abu Bakar, Nur Salina Ismail,
Siti Maryam Sharun
e-ISBN : 978-967-2750-27-7 | TAHUN 2022
Harga : RM 19.00

Ketika coronavirus menyerang negara, seluruh keluarga, harta benda, pekerjaan dan kehidupan secara khususnya menerima impak yang besar. Walau bagaimanapun, episod duka ini harus diterjemahkan dari sudut yang positif dengan membincangkan permasalahan secara berlapang dada. Dengan ini pelbagai solusi yang efektif dapat dikemukakan dan diperhalusi sebagai panduan bagi menghadapi cabaran semasa pandemik COVID-19. Maka, terhasillah buku ini yang mengetengahkan isu-isu berkaitan pengurusan, ekonomi dan perundungan semasa penularan wabak COVID-19 di Malaysia. Antara isu yang diketengahkan adalah kesan COVID-19 ke atas pengurusan organisasi dan politik negara, kesedaran dan keselamatan makanan yang dibeli secara dalam talian, ancaman terhadap sektor utama dan kesedaran terhadap ancaman siber. Turut dibincangkan adalah bagaimana pakej ransangan ekonomi mampu menjadi pemangkin aktiviti ekonomi negara serta bagaimana isi rumah menjana pendapatan melalui penanaman kaedah rumah hijau. Secara keseluruhan isu ini adalah sangat relevan bagi semua pembaca dari semua lapisan masyarakat.

PENGANTAR HUKUM SYARAK TEORI DAN APLIKASI

Penulis : Mohd Hafiz Jamaludin, Norhidayah Pauzi,
Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar
e-ISBN : 978-967-2750-28-4 | TAHUN 2022
Harga : RM 13.00

Buku ini sesuai untuk dijadikan sumber rujukan tambahan kepada para pelajar dalam memberikan kefahaman berkaitan teori hukum syarak yang dipelajari di peringkat pengajian tinggi dan menengah atas. Ia turut sesuai untuk bacaan umum bagi mereka yang ingin mendalami perbincangan dalam ilmu usul fiqh kerana perbahasan berkenaan hukum syarak ini merupakan pengenalan awal sebelum para penuntut ilmu mempelajari dengan lebih mendalam kaedah-kaedah dan permasalahan-permasalahan dalam ilmu usul fiqh. Antara isi kandungan buku ini adalah penjelasan berkenaan konsep dan pembahagian hukum syarak. Seterusnya, ia juga memberikanuraian terperinci berkenaan permasalahan-permasalahan yang dibincangkan dalam bahagian hukum taklifi dan hukum wad'i. Selain itu, penjelasan berkenaan konsep al-hakim, al-mahkum fih dan al-mahkum 'alaith turut dibincangkan dalam buku ini.

EMBRACING BOTH SIDES OF THE FINANCIAL COINS FOR A SUSTAINABLE FUTURE AND INCLUSIVE GROWTH

PENULIS : Zunaidah Sulong, Hartini Ab Ghani, Salman Lambak
e-ISBN : 978-967-2750-30-7 | TAHUN 2022
HARGA : RM 17.00

This book is a preliminary attempt to explore many significant themes of conventional and Islamic finance and tourism economics in businesses and financial institutions by compiling them into a book. It is a collection of nine different research ideas from different esteemed universities of Malaysia separated by chapters. The book itself is divided into two parts; first, Islamic Finance and Financial Institutions (Chapter 1 to Chapter 6); and second, Finance, Banking, and Big data analytics (Chapter 7 to Chapter 9). The chapters in this book review past developments and existing challenges in both conventional and Islamic finance, banking and big data analytics applications, while exploring fresh thinking on the many opportunities available. It also considers practical concerns the financial institutions and tourism industry have faced over time. This book benefits readers in several ways. Apart from providing a platform to enrich and integrate knowledge of Islamic finance, it unveils issues and challenges surrounding this topic, and offers feasible solutions and innovations, making Islamic finance a viable and competitive side of the financial coin.

